

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

PENGARUH DAN KESAN PERGERAKAN-PERGERAKAN
PENTECOSTALISME DAN KARISMATIK
KE ATAS GEREJA-GEREJA
DI PETALING JAYA DAN KUALA LUMPUR:
SATU KAJIAN KE ATAS PERUBAHAN
DALAM PEMIKIRAN DAN KEBUDAYAAN
KEAGAMAAN KRISTIAN

OLEH:
CHIN TIH-TIH
NO. MATRIK : 60395

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (HONOURS)

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1993/94

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Latihan ilmiah ini telah merupakan suatu pencapaian peribadi yang amat bermakna kepada saya. Dan ia juga merupakan hasil gabungan usaha dan bantuan dari ramai individu lain yang telah bermurah hati meluangkan masa dan tenaga untuk menjayakan latihan ini. Maka kata-kata seterusnya merupakan rasa terima kasih saya terhadap segala sumbangan yang telah diterima.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Raymond Lee ke atas kesabarannya dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajarnya selama tempoh penyiapan latihan ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada penyelia perpustakaan Council of Churches of Malaysia, Encik Yeoh Seng Guan yang sudi meluangkan masa dan tenaga untuk membantu saya.

Tidak dilupakan juga sokongan dan bantuan keluarga, rakan-rakan, kakitangan-kakitangan pelbagai institusi dan organisasi dan individu-individu yang telah sedikit-sebanyak menjayakan latihan ini. Tanpa mereka tidak mungkin latihan ini akan dihasilkan.

Chin Tih-Tih

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

SIPNOSIS

Dalam latihan ilmiah, pengkaji telah mengemukakan lima buah bab dan bab terakhir merupakan kesimpulan dan rumusan kepada keseluruhan kertas kerja. Bab pertama merangkumi bab pengenalan daripada permulaan kerja lapangan sehingga kepada penganalisaan data oleh pengkaji dalam penulisan latihan. Lokasi kajian, kaedah penyelidikan dan masalah-masalah yang dihadapi dalam kerja lapangan juga dimuatkan dalam bab ini.

Bab kedua dimulakan dengan memberikan latar belakang sejarah permulaan Pergerakan Pentecostalisme dan Karismatik di Amerika Syarikat dan seterusnya membincangkan pula perkembangan serta pengaruhnya ke atas komuniti Kristian di Malaysia.

Bab ketiga memperkenalkan dua buah gereja kajian pengkaji iaitu Spiritual Assembly dan Salvation Church dengan menghuraikan aspek-aspek lokasi dan pelan, struktur keanggotaan gereja serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh gereja-gereja tersebut.

Seterusnya bab keempat membincangkan satu isu khas mengenai satu bentuk evangelistik dan organisasi berdasarkan penyembuhan yang terkenal pada masa ini iaitu 'healing rallies' untuk melihat pengaruh dan

kesannya ke atas masyarakat Kristian. Tumpuan khas diberikan kepada golongan cacat Kristian yang secara tidak langsung telah digunakan oleh organisasi-organisasi 'rallies' untuk menambahkan publisiti kepada pertubuhan mereka. Perbincangan mengenai isu penyembuhan yang menjadi tema utama rally-rally ini juga ditinjau untuk melihat implikasinya terhadap penganut-penganut Kristian.

Bab kelima membincangkan isu-isu keagamaan yang timbul akibat perkembangan Pergerakan-pergerakan Pentecostalisme dan Karismatik dengan melihat dan membandingkan fenomena-fenomena yang diperhatikan dari gereja-gereja kajian pengkaji. Perhatian telah diberikan kepada isu 'Holy Spirit', konsep pengakuran, aktiviti-aktiviti akibat manifestasi 'Holy Spirit' seperti glossolalia dan corak 'worship' dalam gereja. Tujuannya adalah untuk melihat perkembangan aspek-aspek ini dan mengenalpasti kesan dan perubahan yang telah berlaku ke atas komuniti Kristian akibat darinya.

Bab keenam ataupun bahagian penutup merupakan suatu kesimpulan mengenai perbincangan-perbincangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam latihan ilmiah ini. Satu rumusan ringkas akan diberikan mengenai sejauh mana tujuan pengkaji telah dicapai dalam latihan ilmiah ini dan apakah aspirasi yang dapat diperolehi oleh pengkaji terhadap kajian yang telah dijalankan.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SIPNOSIS	iii
KANDUNGAN	v

BAB I

Pengenalan	1
Lokasi Kajian	1
Kaedah Penyelidikan	4
Masalah-Masalah Dalam Kerja Lapangan	5
Masalah-Masalah Dalam Penganalisaan Data	11

BAB 2

Sejarah Perkembangan Pergerakan Pentecostal di Amerika Syarikat	15
Pergerakan Pentecostal dan Karismatik di Malaysia	23
Perkembangan dan Pengaruh Pentecostalisme ke atas Protestant Kristian di Malaysia	23
Pengaruh Pentecostalisme ke atas Katolik Kristian dan Pergerakan Pembaharuan Katolik Karismatik di Malaysia	26

BAB 3

Spiritual Assembly	31
Lokasi dan Pelan	31
Struktur Keanggotaan Gereja	33
Aktiviti-aktiviti Gereja	33
Salvation Church	43
Lokasi dan Pelan	43
Struktur Keanggotaan Gereja	45
Aktiviti-aktiviti Gereja	45

BAB 4

Healing Rallies	48
Pengaruh Penyembuhan Ke Atas Orang-orang Cacat	51
Penyembuhan: Perbezaan Perlakuan Penyembuhan dan Implikasinya	58

BAB 5

Aspek-Aspek Pengaruh Pergerakan Pentecostalisme dan Karismatik ke atas Pemikiran, 'Worship' dan Kebudayaan Kristian di Gereja-Gereja Protestant dan Katolik di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur	63
Peranan dan Kedudukan 'Holy Spirit' Dalam Doktrin Keagamaan Pergerakan-Pergerakan Pembaharuan	63
'Holy Spirit' Sebagai Suatu Agen yang Mewujudkan Konsep Pengakuran (Submission) Kepada Individu Selain Dari Tuhan	73
Glossolalia	79
'Worship': Perubahan-Perubahan Ke atas Aspek-Aspek 'Worship' di bawah Pengaruh Pergerakan-Pergerakan Pembaharuan	84

BAB 6

Kesimpulan	90
Penutup	95
Bibliografi	96

BAB 1

Pengenalan

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, telah berlaku perubahan-perubahan yang signifikan dalam ideologi dan perkembangan agama Kristian. Oleh itu latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisa perubahan-perubahan tersebut serta cuba meneliti sebab-musabab berlakunya fenomena tersebut. Pengkaji juga cuba menentukan pengaruhnya ke atas pelbagai aspek keagamaan sama ada yang berbentuk institusi atau perseorangan serta kaitannya terhadap keadaan psikologi dan sosio-ekonomi masyarakat penganut Kristian. Implikasi-implikasi atau fenomena-fenomena sosial yang wujud akibat darinya juga akan diperhatikan. Tumpuan kajian adalah ditujukan juga kepada perkembangan gereja-gereja persendirian dan juga denominasi Assemblies of God (AOG) serta hubungannya dengan pertumbuhan Pembaharuan Karisma Kristian.

Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih dua buah gereja untuk dijadikan sasaran kajian iaitu Spiritual Assembly* sebagai mewakili kajian pengkaji terhadap perkembangan

*Nama samaran telah digunakan untuk gereja ini.

gereja persendirian dan Salvation Church*, sebuah gereja Protestant dari denominasi AOG. Spiritual Assembly terletak di tingkat teratas sebuah bangunan di Kuala Lumpur manakala Salvation Church terletak di Petaling Jaya. Spiritual Assembly terletak agak jauh dari pusat bandar dan Salvation Church agak berhampiran dengan kampus Universiti Malaya. Sepanjang kerja lapangan, pengkaji telah berulang-alik ke dua buah gereja ini dengan menggunakan perkhidmatan awam.

Sebelum memulakan kajian di Spiritual Assembly, pengkaji mendapat maklumat dari seorang teman kursus yang pernah menghadiri gereja tersebut bahawa kakitangan serta ahli-ahli Spiritual Assembly adalah agak 'hostile' terhadap orang-orang asing yang ingin menjalankan kajian terhadap gereja tersebut. Oleh itu apabila pengkaji mula mengunjungi Spiritual Assembly, pengkaji telah memperkenalkan diri sebagai seorang yang berminat untuk mendalami pengetahuan agama Kristian dan mendapat tahu mengenai Spiritual Assembly dari seorang rakan. Pengkaji sering ditanya mengenai asal pengkaji, iaitu dari gereja mana sebelum ini. Pengkaji selalu menjawab bahawa ia selalu menjalankan 'church hopping' dan masih belum dapat mencari gereja yang sesuai yang menepati kehendak pengkaji.

*Nama samaran telah digunakan untuk gereja ini.

Ketika pertama kali menghadiri Spiritual Assembly, pengkaji telah terserempak dengan seorang teman kursus lain yang merupakan ahli gereja tersebut. Pada mulanya, teman kursus ini tidak mengetahui tentang topik kajian latihan ilmiah pengkaji dan menyangka pengkaji benar-benar tertarik untuk menghadiri gereja tersebut. Oleh itu, beliau sangat ramah dan berminat untuk menerangkan apa sahaja yang berlaku sewaktu 'worship' dan juga sering menjemput pengkaji untuk duduk bersama-sama. Tetapi apabila beliau mendapat tahu pengkaji sedang menjalankan kajian ke atas perkembangan agama Kristian, beliau bertanya kepada pengkaji sama ada tujuannya menghadiri Spiritual Assembly hanya untuk menjalankan kajian. Berikutan ini, teman kursus tersebut telah menjadi tidak seramah dahulu walaupun pengkaji telah beberapa kali menafikan kehadirannya di Spiritual Assembly semata-mata untuk menjalankan kajian. Maka atas pengalaman ini pengkaji merasa adalah tidak wajar untuk memberitahu ahli-ahli gereja Spiritual Assembly mengenai latarbelakang dan tujuan sebenar pengkaji.

Sebaliknya di Salvation Church, pengkaji telah memperkenalkan diri sebagai seorang pelajar Universiti Malaya yang sedang menjalankan kajian latihan ilmiahnya di gereja tersebut. Pengkaji merasa penting untuk memberitahu identiti sebenar dalam kes ini kerana dua sebab. Pertama, pengkaji mempunyai ramai kenalan yang merupakan ahli gereja Salvation Church. Sebahagian

dari pada mereka juga merupakan teman kursus pengkaji di universiti. Kedua, ahli-ahli dan kakitangan gereja Salvation Church lebih ramah terhadap orang asing atau orang baru dan lebih bersedia memberi bantuan kepada orang-orang asing Kristian atau bukan Kristian yang ingin mendapatkan maklumat untuk tujuan peribadi maupun untuk tujuan penyelidikan.

Kaedah Penyelidikan

Dalam meneliti kedua-dua buah gereja ini, kaedah penyelidikan yang telah digunakan termasuk pemerhatian ikut-serta dan tanpa ikut-serta, temubual secara informal serta analisis terhadap data-data sekunder terutamanya bahan-bahan perpustakaan. Dalam kaedah pemerhatian ikut-serta, selama dua bulan pengkaji telah cuba menghadiri seberapa kerap yang mungkin servis Ahad yang dikendalikan oleh gereja-gereja tersebut. Pengkaji telah cuba membuat pemerhatian yang terperinci ke atas corak aktiviti penyembahan (worship style and rituals) yang dijalankan serta tindakan dan respons penganut-penganut terhadap aktiviti-aktiviti agama. Di samping itu pengkaji juga cuba untuk mengikut-serta se'natural' yang boleh terutamanya dalam sessi nyanyian (worship) dan juga sessi sembahyang (prayer). Pengkaji juga cuba berbual-bual (mingle) dengan ahli-ahli gereja untuk mendapatkan maklumat terutamanya di Spiritual Assembly. Di Salvation Church pula, selain dari berbual secara

sambilan, pengkaji juga menemubual secara informal responden-responden yang sedia berkongsi pendapat dan pengalaman. Dalam kajian pengkaji terhadap sesi-sesi rally-rally yang diadakan di Kuala Lumpur pengkaji telah menjalankan penyertaan ikut-serta dengan temuramah secara informal dengan peserta-peserta rally.

Setelah selesai menjalankan kerja lapangan, pengkaji memulakan kajian terhadap bahan-bahan perpustakaan terutamanya buku-buku dan majalah-majalah. Sumber-sumber yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaya ternyata sangat terhad dan juga agak ketinggalan zaman. Oleh itu pengkaji telah cuba mendapatkan sumber-sumber maklumat yang lebih meluas, mendalam dan 'up to date' dari institusi-institusi agama seperti Council of Churches of Malaysia (CCM) di Jalan Universiti, Petaling Jaya dan Seminari Teologi Malaysia di Jalan Gasing, Petaling Jaya.

Masalah-Masalah Dalam Kerja Lapangan

Pelbagai masalah telah dihadapi oleh pengkaji sewaktu menjalankan kerja lapangan terutamanya dalam mengikut-serta aktiviti-aktiviti gereja. Sebagai seorang pengkaji bukan Kristian yang cuba mengkaji masyarakat Kristian, pengkaji kurang diberi pertolongan jika dibandingkan dengan seorang pengkaji lain yang beragama Kristian. Pengkaji juga tidak dapat mengambil

bahagian dalam setengah-setengah upacara keagamaan yang dijalankan di gereja seperti 'Holy Communion'¹. Dalam upacara-upacara begini, ia bukan sahaja mengganggu usaha untuk mengikut-serta sepenuhnya tetapi juga menyebabkan pengkaji merasa janggal dan tersisih dari ahli-ahli lain. Kadang-kadang terlintas di fikiran pengkaji untuk menyamar diri sebagai seorang Kristian untuk memudahkan pengkaji diterima ke dalam keanggotaan gereja. Tetapi pengkaji menghormati prinsip-prinsip yang dipegang oleh Kristian dan berpendapat adalah tidak beretika untuk melanggar sesuatu peraturan yang dianggap 'sacred' dan penting.

Kerja lapangan yang dilakukan di Salvation Church berjalan lancar tanpa sebarang masalah utama. Ini adalah disebabkan oleh sokongan dan bantuan ikhlas yang diberikan oleh kenalan-kenalan di gereja tersebut. Sebaliknya pengkaji menghadapi masalah yang agak serius di gereja Spiritual Assembly. Sepanjang pengalaman pengkaji menghadiri gereja-gereja selain dari Spiritual Assembly, orang baru biasanya dilayan dengan ramah. Malah di Salvation Church misalnya, ada orang-orang atau ahli jawatankuasa khas yang dipertanggungjawabkan

¹Dalam upacara ini setiap penganut dikehendaki memakan kepingan biskut dan meminum minuman berwarna merah yang melambangkan darah dan daging Jesus untuk memperingati pengorbananNya kepada umat Kristian. Golongan bukan Kristian adalah dilarang sama sekali untuk mengikuti upacara ini kerana aspek pengorbanan Jesus dianggap sangat penting dalam doktrin Kristian.

untuk berhubung mesra atau memperkenalkan orang-orang baru dengan ahli-ahli lain atau persekitaran gereja.

Yang anihnya di Spiritual Assembly, setelah lebih dua bulan menghadiri servis, hampir tiada penganut yang cuba menunjukkan minat terhadap orang baru. Jika adapun, hanya bertanya dua atau tiga soalan dan kemudian meninggalkan pengkaji untuk mengikuti servis. Juga tiada ucapan sebelum khutbah (sermon) yang mengalukan kedatangan orang-orang baru ke gereja tersebut. Memandangkan kesukaran untuk merapatkan diri dengan ahli-ahli di Spiritual Assembly, pada awal kajian, pengkaji telah berhasrat untuk menjadikan teman kursus yang disebut awal tadi sebagai seorang informan. Namun beliau mula menjauhkan diri dan tidak seramah dahulu apabila mensyaki pengkaji cuba menjalankan kajian di gerejanya.

Sikap syak wasangka kakitangan Spiritual Assembly adalah mungkin disebabkan oleh sebuah artikel yang terbit beberapa tahun dahulu dalam akhbar The Malay Mail. Artikel ini menyentuh tentang fenomena-fenomena yang berlaku ketika servis yang dikendalikan oleh pastornya. Isu ini telah menimbulkan pelbagai respon dari pelbagai pihak. Di samping itu, aktiviti-aktiviti agama terutamanya bukan Islam sering dikenakan kawalan yang ketat oleh kerajaan. Kemungkinan akibat peristiwa-peristiwa ini mereka merasa was-was untuk memberikan

apa juga bentuk maklumat kepada orang-orang yang tidak dikenali.

Walau bagaimanapun ada di antara para penganut yang ditemubual oleh pengkaji bersikap ramah dan sedia menjawab persoalan yang diajukan oleh pengkaji. Namun itupun hanya kerana pengkaji tidak menyatakan identiti sebenar. Jawapan yang diberikan oleh mereka puas kebanyakannya sangat umum atau hanya mengagong-agongkan kebenaran dan kesahihan kehadiran 'Holy Spirit'² di gereja tersebut. Pengkaji juga tidak dapat bertanya secara mendalam kerana khuatir disyaki sebagai agen kerajaan yang cuba mengumpulkan maklumat yang mungkin mendatangkan bahaya kepada gereja. Oleh itu kebanyakan kerja lapangan pengkaji di Spiritual Assembly melibatkan pemerhatian ikut-serta dengan sedikit temubual.

Setelah lebih kurang dua bulan menjalankan pemerhatian di Spiritual Assembly, ahli-ahli gereja masih tidak menunjukkan perubahan ke atas sikap mereka terhadap pengkaji. Walaupun ramai yang senyum dan mengucapkan selamat pagi atau selamat datang, namun ia hanya merupakan suatu perlakuan (gesture) atau budi bahasa (etiquette) yang digunakan untuk semua ahli-ahli

²Tuhan mengikut tafsiran Kristian memanifestasikan diri dalam tiga bentuk iaitu "God the Father, the Son and the Holy Spirit".

yang mengunjungi gereja tersebut. Jika ada di antara mereka yang telah mula mengenali pengkaji, mereka juga tidak cuba mendekati pengkaji untuk berbual-bual.

Usaha pengkaji untuk mengenali ahli-ahli Spiritual Assembly juga dihalang oleh ajaran yang dipegang oleh gereja atau yang disampaikan oleh pastornya. Semua ahli gereja menerima bahawa segala aktiviti yang dijalankan dan yang berlaku di Spiritual Assembly adalah atas kehendak dan kurnia 'Holy Spirit' dan bukannya atas pilihan pastor atau mana-mana ahli gereja. Oleh itu sesiapa pun tidak boleh menghadkan masa untuk apa jua aktiviti yang diadakan sama ada servis ataupun sessi sembahyang (prayer meeting).

Ekoran dari itu, jangkawaktu servis tidak mempunyai had masa. Ianya tidak akan berhenti selagi pastor tidak berhenti memberikan sermon. Kadang-kadang servis berlanjutan dari pagi sehingga lewat petang. Sungguhpun pastor tidak menghalang ahli-ahli yang ingin meninggalkan gereja lebih awal, namun ramai yang setia mengikuti servis sehingga ia berakhir tidak kira waktunya. Oleh kerana kebanyakan sessi servis tamat lewat maka ramai yang ingin pulang segera sebaik sahaja selesai servis, tidak seperti ahli gereja lain yang tinggal sebentar untuk berbual-bual dahulu sebelum meninggalkan gereja. Maka pengkaji mendapat kesukaran untuk mengambil kesempatan mendekati dan berbual dengan

ahli gereja Spiritual Assembly.

Pada akhirnya apabila pengkaji telah memperolehi data yang mencukupi dari aktiviti pemerhatian dan tidak dapat memperolehi maklumat-maklumat lain yang diperlukan melalui cara temubual informal dengan ahli gereja Spiritual Assembly, pengkaji cuba mengubah kaedah kerja lapangan dengan memberitahu niat untuk mengkaji kepada ahli gereja dengan hanya meminta izin untuk melihat sumber-sumber yang terdapat di dalam perpustakaannya. Namun, permintaan ini ditolak atas alasan bahawa perpustakaan itu hanya dikhaskan untuk kegunaan ahli-ahli gereja tersebut sahaja.

Pengkaji juga bertanya kepada seorang ahli gereja sama ada boleh dirujuk kepada seorang yang berautoriti untuk menolong dalam kerja-kerja penyelidikan. Tetapi apabila ahli gereja tersebut mengajukan persoalan itu kepada seorang 'elder', permintaan pengkaji sekali lagi ditolak. Usaha pengkaji sekali lagi dihalang oleh ajaran yang dipegang oleh gereja. Mengikut 'elder' tersebut, mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk membantu penyelidikan pengkaji. Sebaliknya menyuruh pengkaji lebih banyak menghadiri servis dan belajar dari sermon-sermon yang diberikan oleh pastor. Mengikutnya lagi, jika pengkaji mempunyai kuasa-kuasa istimewa yang dikurniai (gifts of the Spirits) , 'Holy Spirit' dengan sendirinya akan 'berca-

kap' dan memberi segala pengetahuan kepada pengkaji.

Adalah tidak dapat dipastikan sama ada ini merupakan satu cara untuk mengelakkan dari memberi sebarang maklumat kepada orang luar atau mereka benar-benar mempercayai tentang kebolehan 'Holy Spirit'. Dengan ini, pengkaji tidak berjaya dengan apa cara pun untuk mendapatkan data-data lanjut. Pengkaji terpaksa menganalisa data berdasarkan pemerhatian sahaja manakala maklumat-maklumat mengenai corak organisasi, latar belakang sejarah, aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta aspek-aspek perbelanjaan dan kewangan tidak dapat diperolehi.

Masalah-Masalah Dalam Penganalisisan Data

Penganalisisan data juga merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji. Pertama sekali penganalisisan terhadap data-data yang dikumpulkan dari pemerhatian sewaktu kerja lapangan. Dalam setiap kunjungan ke Spiritual Assembly dan Salvation Church, pengkaji telah cuba mencatatkan apa jua maklumat yang boleh diperolehi sama ada yang dilihat, didengar atau dibaca. Kebanyakan data yang dikumpulkan adalah berkisar tentang corak organisasi gereja dan juga upacara-upacara agama (style of worship). Di samping itu juga terdapat data-data hasil dari temubual informal dengan beberapa responden yang merupakan ahli-

ahli gereja yang dikaji.

Dalam penganalisisan data-data ini, masalah utama yang dihadapi adalah pengklasifikasian data. Langkah utama untuk mengatasinya ialah dengan mengenalpasti data mana yang sesuai dan perlu digunakan dan data mana yang perlu diketepikan atau dianggap tidak berguna kerana tidak berkaitan dengan konteks bidang kajian. Dalam penyelidikan yang melibatkan pemerhatian pengkaji akan merekodkan apa sahaja maklumat yang boleh diperolehi sewaktu menjalankan kerja lapangan. Ini adalah untuk mengelakkan dari tertinggalnya maklumat-maklumat yang penting secara tidak sedar. Akibatnya, setelah selesai kerja lapangan, pengkaji memperolehi maklumat yang terlalu banyak. Tetapi kebanyakan daripada maklumat tersebut didapati tidak dapat digunakan setelah ianya diproses untuk mengenalpasti sama ada ia boleh diterapkan ke dalam konteks kajian. Oleh itu, walaupun data pada awalnya kelihatan seperti sangat banyak, tetapi selepas 'penyingkiran' data, didapati data yang diperolehi adalah sedikit sahaja. Maka dalam kajian ini pengkaji mendapati masalah timbul akibat kesukaran untuk menentukan persoalan kuantiti-kualiti data yang dikumpul.

Keadaan yang dinyatakan tadi bertambah merumitkan apabila data yang diperlukan itu tidak mencukupi dan pengkaji terpaksa kembali ke tempat kajian untuk

berusaha mengumpulkan data tambahan. Masalah yang wujud ialah dalam kajian antropologikal, perolehan data adalah tidak dijamin kerana iaanya bergantung kepada aktiviti yang dijalankan oleh responden. Sekiranya responden ada menjalankan aktiviti tertentu yang juga merupakan data yang diperlukan oleh pengkaji, maka mudahlah pengumpulan data tambahan pengkaji. Pengkaji tidak boleh menyuruh responden melakukan sesuatu aktiviti hanya kerana ia ingin memperolehi data mengenai aktiviti berkenaan. Dalam kes ini, pengkaji tidak dapat mengawal pengumpulan data walau berapa lama ia menghabiskan masa di tempat kajian. Pengkaji cuba memperkayakan data dengan cuba mendapatkan data tambahan dari bahan-bahan bacaan terhadap aspek-aspek yang dianggap kekurangan data.

Masalah seterusnya ialah pengklasifikasian data dibawah sub-tajuk tertentu. Dalam kerja lapangan, data-data yang dikumpulkan adalah secara tidak berstruktur. Sebarang data yang diperolehi terus dicatatkan tanpa pengklasifikasian yang tetap. Setelah selesai pengumpulan maklumat, pengkaji harus mengkaji keseluruhan data dan kemudian meneliti dengan terperinci untuk mengklasifikasikan data kepada sub-tajuk yang spesifik. Ini akan memakan masa yang lama. Di samping itu juga terdapat 'overlapping' di mana terdapat data-data yang boleh dimasukkan ke dalam dua atau lebih bab yang berbeza. Dalam kes ini pengkaji cuba memanipulasi data

untuk mengekstrak dan mengaplikasikan data yang sama ke dalam konteks atau bab yang berlainan.

Sebagai suatu pengenalan kepada bab kedua, pengkaji akan memulakan suatu sorotan ringkas terhadap sejarah perkembangan Pergerakan Pentecostal di Amerika yang akhirnya membawa kepada Perkembangan Pergerakan Karismatik serta bertapaknya pergerakan-pergerakan ini di Malaysia.

BAB 2

Sejarah Perkembangan Pergerakan Pentecostal di Amerika Syarikat

Pada awal abad kedua puluhan agama Kristian telah hilang sifat-sifat keagongannya sebagai suatu pengaruh utama dalam kehidupan masyarakat Amerika. Agama seolah-olah telah ditenggelami oleh proses-proses sekularisasi dan dilupakan dalam keghairahan menikmati kehidupan serba moden. Rasa tidak puas hati telah timbul pada ketika itu terutamanya di kalangan gereja-gereja Protestant. Mereka ingin mengembalikan kegemilangan agama Kristian seperti zaman apostolik dengan mendirikan kembali kepercayaan terhadap kekuasaan 'Holy Spirit' di kalangan masyarakat Kristian. Dalam usaha ini, golongan ini telah cuba mengaitkan pelbagai fenomena-fenomena ajaib yang dikatakan merupakan kuasa 'Holy Spirit' seperti 'glossolalia'³, penyembuhan⁴, visi⁵ dan 'exorcism'.⁶ untuk dijadikan sebagai bukti 'kesegaran' dan keupayaan agama Kristian menjadi suatu

³Glossolalia merujuk kepada ungkapan dalam bahasa asing yang diucapkan ketika khusyuk bersembahyang. Biasanya ini berlaku apabila individu kehabisan perkataan-perkataan biasa untuk diberikan kepada Tuhan. Seorang penterjemah diperlukan untuk memberikan interpretasi terhadap glossolalia.

⁴Aktiviti penyembuhan yang dijalankan di gereja melibatkan nyanyian dan sembahyang yang khusyuk untuk tujuan menyembuhkan sesuatu penyakit fizikal atau mental.

⁵Visi merupakan kejadian peristiwa-peristiwa yang dapat dilihat sama ada dalam minda atau di depan mata tetapi merupakan ramalan atau bayangan terhadap sesuatu yang akan berlaku pada masa akan datang.

⁶"Exorcism" adalah aktiviti menyingkirkan kuasa-kuasa jahat atau sihir dengan kata-kata dari Kitab Injil.

agama yang benar dan hidup. Usaha ini merupakan langkah pertama dalam memulakan pergerakan Pentecostal di Amerika Syarikat.

Dalam sejarah perkembangan agama Kristian moden, Pergerakan Pentecostal dikenali sebagai pergerakan pertama yang memberi nafas baru kepada semangat evangelistik Apostolik Kristian⁷. Pergerakan ini dimulakan oleh Charles Parham dalam tahun 1900 yang juga merupakan pengasas Bible School of Topeka di Kansas. Dalam doktrin pergerakan ini, penekanan semula telah diberikan kepada individu ketiga dalam 'Trinity' iaitu 'Holy Spirit'. Penekanan kepada 'Holy Spirit' telah memulakan suatu rangkaian aktiviti yang lebih ekspresif seperti glossolalia atau 'speaking in tongues' dan juga kejadian-kejadian ajaib (miracle) seperti penyembuhan serta-merta. Kesemua aktiviti luar biasa ini dikatakan merupakan anugerah 'Holy Spirit' yang mempunyai kuasa maha suci (divine power).

Tidak lama selepas itu, W.J. Seymour, anak murid Parham telah mengadakan suatu siri perjumpaan pembaharuan (revival meetings) dalam sebuah gereja Methodist lama di Azusa Street, Los Angeles. Kejadian-

⁷ Zaman Apostolik Kristian adalah zaman di mana agama Kristian mencapai kegemilangannya dan menjadi suatu agama yang berpengaruh di kalangan penganut-penganutnya.

kejadian luar biasa seperti glossolalia, visi dan penyembuhan melalui sesi penyembahan telah menarik liputan media secara besar-besaran sehingga merupakan suatu isu pengetahuan umum. Berikutnya ini, perjumpaan-perjumpaan tersebut telah mendapat sambutan yang hangat sehingga beribu-ribu orang termasuk segolongan para evangelistik dari Eropah turut menghadirinya. Setelah mengikuti sesi-sesi perjumpaan, kebanyakan peserta yang pulang ke tempat asal untuk menyebarkan doktrin baru ini serta menubuhkan gereja-gereja Pentecostal mengikut aliran pergerakan yang baru ini. Langkah ini merupakan asas penubuhan organisasi-organisasi Pentecostal di bandar-bandar utama di Amerika, Kanada dan Eropah serta seterusnya di negara-negara dunia ketiga seperti Amerika Latin, Korea, India, China dan Afrika.

Aspek-aspek sosiologi, theologi dan psikologi merupakan tiga faktor utama yang melancarkan pergerakan Pentecostal pada tahap permulaannya. Ciri-ciri pentecostalisme yang mewakili golongan kelas bawahan menarik minat masyarakat miskin terutamanya yang tertekan oleh faktor-faktor ekonomi serta penduduk asal kulit putih dan hitam yang tidak berpelajaran di Amerika. Manakala di negara-negara seperti Afrika dan Amerika Latin, pergerakan ini bersifat sebagai pengganti kepada segala kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat miskin seperti buruh tetapi juga yang tidak berpeluang menyuarakan pendapat serta tidak berpeluang

memainkan peranan dalam politik negara. Golongan ini bergantung kepada kepercayaan terhadap pengalaman-pengalaman spiritual baru ini untuk memperolehi keselamatan emosi dan psikologi.

Kemerosotan semangat keagamaan terutamanya akibat upacara-upacara 'rigid' yang turun-temurun sehingga berabad-abad dan doktrin-doktrin agama lama yang sudah basi menyebabkan suatu keadaan kehausan dari segi theologi perkembangan agama ini. Segala ini telah menyumbangkan kepada pergerakan ke arah 'penghidupan semula' (revivalism) untuk menghidupkan semula suatu agama yang dianggap sudah layu. Bermula dan berjayanya pergerakan Pentecostalisme juga berpunca dari proses sekularisasi. Ancaman-ancaman yang timbul dari proses modenisasi telah ditentang dengan pengemukaan doktrin baru untuk mengukuhkan semula nilai-nilai dan kepercayaan yang kuat terhadap keagamaan.

Pergerakan Pentecostalisme pada awal pertumbuhannya dianggap sebagai suatu pergerakan 'sectarian'⁸ oleh denominasi-denominasi lain. Ini adalah kerana pengalaman-pengalaman mereka sewaktu penyembahan telah menghasilkan bukan sahaja doktrin-doktrin baru tetapi juga suatu sub-budaya Kristian yang baru (Ward, 1984).

⁸ Pergerakan Pentecostalisme dianggap sebagai suatu fenomena yang melibatkan denominasi Protestant sahaja.

Di samping itu, pergerakan ini juga dibahagikan kepada dua pihak di mana pihak 'left wing' lebih menunjukkan sifat perbezaannya dengan menitikberatkan kebebasan dalam 'worship' dan penyertaan individu-individu di dalam 'worship' tersebut. Di samping itu ia juga menggalakkan penggunaan kurnia-kurnia 'Holy Spirit' seperti 'glossolalia'. Aktiviti-aktiviti ini ternyata jauh berbeza dari tradisi asal gereja (main line churches) yang lebih 'solemn' dan diorganisasikan mengikut agenda yang tersusun. Manakala pihak 'right wing' mengelakkan dari mewujudkan sebarang sempadan-sempadan denominasi dalam menyebarkan semangat baru ini. Golongan inilah yang menyebabkan bermulanya pergerakan neo-pentecostal dan karismatik secara besar-besaran pada tahun 1960an di Amerika Syarikat.

Akibat perkembangan pergerakan evangelisme Pentecostalisme yang pesat, institusi-institusi seperti gereja mula diubahsuai dan organisasi gereja juga menjadi lebih moden. Pergerakan ini tidak lagi dianggap sebagai suatu pergerakan kelas bawahan. Ianya juga mula menarik minat lebih banyak penyertaan dari golongan kakitangan gereja (clergy and laity) ke kempen-kempen pembaharuan (revival campaigns). Kempen-kempen pembaharuan ini merupakan satu cara evangelisme Pentecostal yang utama. Ianya dianjurkan oleh 'revival ministry' dan beroperasi tanpa mengira denominasi atau golongan Protestant tertentu. 'Revival ministry'

merupakan organisasi yang menjalankan aktiviti-aktiviti gereja di luar kawasan gereja dan biasanya dikendalikan oleh golongan ahli-ahli biasa.

Salah seorang ahli evangelis terkenal yang sering mangadakan kempen-kempen begini adalah Oral Roberts. Beliau merupakan pengasas 'Healing Wings Revival Ministry' di Tulsa, Oklahoma pada awal 1950an. Satu cara yang digunakan oleh Roberts untuk menarik lebih ramai peserta ke kempenya adalah dengan mengadakan tayangan secara radio, television dan alat audio-visual yang lain. Kempen-kempen yang diorganisasikan oleh beliau di Amerika Syarikat dan luar negeri telah menarik minat sejumlah 18,000 peserta (Nichol, 1966).

Walaubagaimanapun, kejayaan beliau yang paling signifikan ialah mengasaskan pertubuhan 'Full Gospel Businessmen's Fellowship International' (FGBMFI) bersama Demos Shakarian. Pertubuhan ini diasaskan untuk memperkenalkan Pentecostalisme kepada golongan peniaga dan profesional dari kelas menengah hingga kelas atasan. Dengan menarik penyertaan ahli-ahli dari gereja aliran Protestant dan Katolik ke perjumpaan-perjumpaan di hotel-hotel terkemuka, FGBMFI telah berjaya menggunakan nama Pentecostal untuk menyebarkan suatu gospel yang berunsurkan kejayaan material dan kegemilangan spiritual (Northcott, 1990).

Ideologi Pentecostal mula mempengaruhi golongan Roman Katolik melalui dua buah buku iaitu 'The Cross and the Switchblade' (Wilkerson, 1964) dan 'They Speak with Other Tongues' (Sherrill, 1965). Secara ringkasnya, Kedua-dua buku ini memperkatakan tentang keajaiban kuasa-kuasa Tuhan dan pembaharuan kepercayaan seseorang dengan mencari Tuhan secara mendadak (a leap of faith). Banyak organisasi-organisasi kecil telah mula dipengaruhi oleh doktrin baru ini. Contohnya sekumpulan ahli-ahli fakulti dan seramai 30 orang pelajar dari Duquesne University telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan agama (religious retreats) yang dipanggil 'Duquesne Weekends'. Setelah memperolehi pengetahuan mengenai teknik-teknik dan ciri-ciri amalan ajaran Pentecostalisme, mereka telah mempraktikkan 'laying on of hands' dan mengalami baptisme secara spiritual. Dari perjumpaan-perjumpaan kecil seperti ini telah menyebabkan bermulanya satu lagi babak baru dalam sejarah Kristianiti iaitu suatu pergerakan pembaharuan agama baru yang dinamakan Pembaharuan Karismatik Katolik (PKK) (Catholic Charismatic Renewal).

Berbanding dengan pergerakan Pentecostal Klasik, PKK menggalakkan penyertaan interdenominasi dan tidak pernah dianggap sebagai suatu pergerakan 'sectarian' atau tersendiri. Ahli-ahli karismatik menjalankan aktiviti-aktiviti di luar kawasan gereja dan masih

terus mengekalkan keahlian di gereja asal. Tambahan pula ramai di antara ahli-ahli kumpulan 'prayer' karismatik katolik ini juga berasal dari gereja-gereja Protestant. Ketua-ketua pergerakan Pentecostal seperti David duPlessis dan Derek Prince juga melibatkan diri dalam PKK. Sifat ini menunjukkan bahawa ekumenisme dan semangat perpaduan antara Kristian adalah merupakan antara prinsip asas dalam pergerakan ini.

Selain dari mencapai pengalaman keabadian dengan Tuhan dan memperolehi kebolehan dari 'Holy Spirit', ahli PKK juga menekankan aspek perkongsian perasaan dan pengalaman interpersonal di kalangan anggota-anggota secara bersemuka dalam memperbaharui dan mengukuhkan hubungan dengan Tuhan. Corak penyembahan yang lebih ekspresif dan diperbaharui walaupun digalakkan telah menyebabkan suatu perubahan yang dramatik dalam sistem keagamaan asal Katolik yang pada umumnya 'rigid'. Oleh itu, penyebaran Pentecostalisme ke dalam aliran Katolik telah menimbulkan syak wasangka di kalangan 'bishop' sehingga ada gereja yang tidak menggalakkan atau milarang sama sekali aktiviti-aktiviti yang berbau Pentecostal (Ackerman & Lee, 1988). Namun begitu, jawatankuasa gereja utama telah sebulat suara berpendapat bahawa asas teologi doktrin-doktrin PKK boleh diterima dan pergerakan ini telah diiktiraf oleh Pope Paul VI.

Pergerakan Pentecostal dan Karismatik di Malaysia
Perkembangan dan Pengaruh Pentecostalism ke atas
Protestant Kristian di Malaysia

Terdapat dua bentuk organisasi Protestant Pentecostal yang muncul akibat pengaruh pergerakan Pentecostal iaitu organisasi berbentuk denominasi dan 'revival ministry' (Ackerman, 1984). Organisasi yang berbentuk denominasi merujuk kepada pergerakan Pentecostal dalam gereja-gereja Protestant seperti Assemblies of God, Pentecostal Church of Malaysia dan Full Gospel Assemblies. Terdapat juga gereja denominasi persendirian yang menerima dan mengembangkan doktrin Pentecostal seperti Latter Rain Church. Organisasi berbentuk 'revival ministry' pula adalah organisasi bukan gereja seperti Abundant Life Centre. Dalam organisasi begini, sekumpulan doktor dan golongan professional dari pelbagai aliran gereja Protestant yang telah menerima 'Holy Spirit' membentuk satu 'lay ministry' (orang biasa yang menjalankan tugas-tugas paderi) dan bekerjasama mengembangkan ajaran Pentecostal di luar kawasan gereja masing-masing. Bentuk organisasi 'revival ministry' di Malaysia menyerupai dan menyokong kempen-kempen yang diadakan oleh Oral Roberts di Amerika Syarikat terutamanya dari segi tujuannya untuk evangelisme dan penekanannya

terhadap aspek interdenominasi (Ackerman, 1984).

Kepesatan perkembangan pergerakan Pentecostalisme dalam gereja-gereja aliran Protestant di Malaysia memang tidak dapat disangkal. Ini dapat diperhatikan contohnya dalam perkembangan gereja-gereja Assemblies of God di mana pembinaan gereja-gereja berbentuk rumah kedai di lebih 200 kawasan serata Malaysia telah dilakukan dalam tiga dekad sahaja (Northcott, 1990). Full Fospel Assemblies pula merekodkan kehadiran ahli seramai lebih kurang 7000 orang selepas hanya tujuh tahun penubuhannya. Ini amat signifikan berbanding dengan gereja Anglikan yang mempunyai bilangan kehadiran ahli yang lebih kurang sama jumlahnya tetapi mempunyai sejarah kewujudan selama 150 tahun.

Sungguhpun kebanyakan gereja-gereja Protestant menerima pengaruh Pentecostal dari sumber yang sama namun setiap gereja mengembangkan corak 'worship' dan doktrin keagamaan yang berlainan. Ini adalah kerana setiap gereja walaupun mengakui berasal dari satu denominasi yang sama tetapi mereka sering beroperasi secara bersendirian dan mempunyai interpretasi tersendiri terhadap pengamalan doktrin baru ini. Ahli-ahli Pentecostal Church of Malaysia misalnya berpakaian serba putih dan mengamalkan corak 'worship' yang lebih bersemangat dengan khutbah-khutbah yang panjang, glossolalia secara aktif dan sesi penyembahan serta

'deliverence'⁹ yang panjang. Manakala ahli Full Gospel Assemblies pula berpakaian moden, 'preachers' dan 'elders' berpakaian formal (business suits) dan 'worship'nya diketuai oleh seorang 'elder' dengan diiringi oleh alat-alat muzik pop dan sekumpulan ahli koir. Walau bagaimanapun, kesemua gereja Protestant ini secara umumnya mengamalkan sama ada secara 'mild' atau 'extreme' aktiviti-aktiviti seperti glossolalia, visi, ramalan, penyembuhan dan 'deliverence'.

Di samping perkembangan Pentecostalisme yang berleluasa dan sambutan yang hangat terhadap pergerakan ini, terdapat juga sebilangan gereja yang menentang pergerakan ini, terutamanya pada awal kemasukan pengaruh ini ke gereja-gereja di Malaysia. Tentangan awal dapat diperhatikan dalam gereja-gereja Anglikan yang tidak menerima pengaruh Pentecostalisme ke dalam kehidupan dan upacara Kristian kerana dianggap sebagai suatu ancaman kepada struktur dan autoriti gereja tradisional. Namun begitu tentangan ini mula lemah apabila pergerakan Pentecostalisme mendapat sokongan dari golongan mudanya. Golongan ini berkeinginan untuk membebaskan diri dari 'worship' yang terlalu formal dan tetap (liturgical). Mereka berpendapat pengamalan corak penyembahan yang lebih ekspresif seperti yang

⁹ Aktiviti menyingkirkan kuasa jahat yang dikatakan menghalang seseorang dari menerima 'Holy Spirit'.

disebarkan oleh Pentecostalisme adalah lebih sesuai kepada mereka. Berikutan itu, pengaruh Pentecostalisme ke dalam gereja Anglikan tidak lagi disekat untuk mengelakkan ahli-ahli gereja yang menyokong pergerakan ini daripada meninggalkan gereja. Selain dari gereja-gereja Anglikan, pertentangan awal terhadap pengaruh Pentecostalisme juga berlaku dalam gereja-gereja Methodist sehingga menyebabkan sebilangan pastor dan ahli-ahli gereja yang terlibat dalam pergerakan Pentecostal meninggalkan gereja Methodist asal untuk menubuhkan gereja baru.

Pengaruh Pentecostalisme ke atas Katolik Kristian dan Pergerakan Pembaharuan Katolik Karismatik di Malaysia

Gereja-gereja Katolik di Malaysia menerima pengaruh Pentecostal dari gereja-gereja Protestant sejak awal aliran masuk pergerakan ini ke Malaysia iaitu pada tahun 1960an. Pergerakan ini digelar oleh penganut-penganut Katolik sebagai Pergerakan Pembaharuan Katolik Karismatik dan juga digelar oleh sebilangan penulis sebagai Pergerakan Neo-Pentecostal. Kebanyakan daripada ahli-ahli pergerakan Karismatik beroperasi di dalam struktur organisasi gereja masing-masing tanpa menubuhkan organisasi atau kumpulan agama yang baru.

Dengan lebih menekankan kepentingan pengaruh

karismatik sebagai untuk mengukuhkan pegangan agama penganut Kristian daripada melihatnya sebagai suatu doktrin baru yang tersendiri. Pergerakan Karismatik di kalangan penganut Katolik telah digalakkan sejak awal pergerakannya lagi. Tambahan pula pada pertengahan tahun 1970an, 'Archbishop' di Malaysia telah mengadakan polisi menggalakkan penyertaan yang lebih aktif oleh ahli-ahli biasa (grass-roots level) ke dalam struktur kepimpinan gereja (Ackerman, 1984). Maka kebanyakan penganut Katolik yang terlibat dalam Pergerakan Karismatik pada mulanya terdiri adalah daripada ahli-ahli gereja biasa.

Pergerakan Karismatik di Kuala Lumpur dimulakan pada pertengahan tahun 1970an oleh seorang paderi berbangsa Perancis bernama Marc Duplessis. Beliau memulakan suatu perjumpaan karismatik pada setiap hari Jumaat di gerejanya. Ramai orang-orang Kristian dan bukan Kristian menghadiri perjumpaan-perjumpaan ini kerana tertarik dengan berita mengenai kuasa paderi Duplessis dalam penyembuhan dan pengusiran kuasa sihir (exorcism). Tidak lama kemudian, beliau mula melatih ahli-ahli biasa gereja untuk menjalankan tugas-tugas penyembuhan dan pengusiran sihirnya. Dan seterusnya menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengendalikan perjumpaan-perjumpaan karismatik di gereja tersebut. Perjumpaan-perjumpaan ini mula menjadi bertambah popular di kalangan gereja-gereja Katolik lain di Kuala

Lumpur dan seterusnya merebak ke Petaling Jaya dan akhirnya ke seluruh Malaysia.

Seperti juga Pergerakan Pentecostal, Pergerakan Karismatik menggalakkan penyertaan ahli-ahli ke perjumpaan-perjumpaannya tanpa mengira denominasi. Mereka juga mula menekankan pemujaan terhadap 'Holy Spirit' selain daripada penyembahan tradisi yang mementingkan keutamaan kepada 'God the Father' dan 'Mary'. Begitu juga aktiviti-aktiviti yang dikaitkan dengan anugerah 'Holy Spirit' seperti glossolalia, penyembuhan, ramalan dan visi telah dipraktikkan secara aktif dan terbuka.

Namun begitu terdapat beberapa perbezaan yang nyata di antara amalan pentecostalisme di gereja-gereja Protestant dengan amalan karismatik di gereja-gereja Katolik di Malaysia. Pergerakan Karismatik Katolik di Malaysia tidak menyebabkan penubuhan gereja-gereja Katolik baru yang berdasarkan doktrin karismatik berbanding dengan penubuhan gereja-gereja Protestant berdasarkan pentecostalisme yang pesat. Sebaliknya Pergerakan Karismatik merupakan sebahagian daripada organisasi gereja asal itu sendiri. Ianya juga tidak menyebabkan pertentangan yang hebat dari golongan 'clergy' gereja. Malah golongan ini juga melibatkan diri secara aktif di dalam Pergerakan Karismatik.

Rata-ratanya pengaruh Pergerakan Karismatik ke dalam denominasi Katolik tidak menghadapi banyak masalah berbanding dengan Pergerakan Pentecostal dalam gereja-gereja Protestant. Ini mungkin disebabkan oleh pengiktirafan awal yang diberikan kepada pergerakan ini oleh kakitangan gereja dan juga pengaruhnya yang lewat ke dalam gereja-gereja Katolik. Pergolakan dan pertentangan yang berlaku dalam gereja Protestant telah membolehkan pengaruh pergerakan ini diterima dengan lebih tenang dan lancar oleh gereja Katolik. Gereja Katolik tidak mahu peristiwa-peristiwa yang berlaku di gereja Protestant berulang semula.

Dari aspek 'worship style', diperhatikan bahawa kebanyakan perjumpaan-perjumpaan karismatik merupakan agenda-agenda yang terpisah dari servis-servis biasa gereja. Gereja-gereja Katolik seperti St. Francis Xavier dan St. Anthony misalnya menetapkan hari-hari tertentu yang dikhaskan kepada perjumpaan karismatik. Selain dari itu gereja-gereja Katolik juga masih mengamalkan upacara dan ritual tradisi seperti biasa dalam servis-servisnya tanpa memasukkan unsur-unsur karismatik. Berbanding dengan kebanyakan gereja-gereja Protestant, unsur-unsur penyembahan bercorak Pentecostal telah diterapkan (incorporated) ke dalam segala aktiviti keagamaan gereja. Perbincangan lanjut mengenai perbezaan 'worship style' yang wujud dari

pergerakan-pergerakan pembaharuan ini akan dibincangkan dalam bab-bab kemudian.

Dari sini, boleh disimpulkan bahawa pengaruh Pentecostalisme dan Karismatik ke gereja-gereja di Malaysia berlaku dengan amat pesat. Dalam lebih kurang tiga dekad sahaja dapat diperhatikan perkembangan yang pesat baik dari segi saiz atau dari segi pemikiran teologi yang timbul akibat pergerakan ini. Dalam bab-bab seterusnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut kesan dan pengaruh pergerakan ini ke atas pelbagai aspek keagamaan. Bab seterusnya akan memulakan perbincangan ini dengan memperkenalkan dua buah gereja kajian pengkaji iaitu Spiritual Assembly dan Salvation Church.

BAB 3

Spiritual Assembly

Lokasi dan Pelan

Spiritual Assembly adalah sebuah gereja persendirian (independent church) yang diasaskan oleh Pastor Simon Sim*. Beliau dahulunya menjalankan pastoral servisnya di sebuah gereja di Banting. Gereja ini pada awalnya terletak di Brickfields tetapi pada pertengahan tahun 1980an mereka telah memperolehi suatu lokasi baru di suatu bangunan dengan kos yang agak minima. Kini Spiritual Assembly bertempat di tingkat teratas sebuah bangunan lebih kurang 4 batu dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Spiritual Assembly menduduki keseluruhan tingkat dan dewan gerejanya meliputi hampir setengah daripada keseluruhan kawasan. Selebihnya terdiri daripada sebuah perpustakaan, sebuah 'nursery', bilik Pastor dan pejabat kakitangan. Gereja Spiritual Assembly adalah sebuah dewan yang berukuran lebih kurang 50 meter panjang dan 10 meter lebar. Di satu hujung merupakan sebuah pentas kecil dengan dinding yang ditutup dengan langsinir biru. Di atas pentas di sebelah sudut kiri, terletak alat-alat muzik seperti organ dan gitar yang dimainkan sewaktu sessi 'worship'. Kawasan dewan yang

*Nama samaran telah digunakan untuk nama pastor.

selebihnya dipenuhi dengan kerusi-kerusi yang dipisahkan di bahagian tengah untuk membentuk lorong berjalan. Setiap baris mempunyai 14 hingga 16 tempat duduk dan keseluruhan dewan boleh menempatkan lebih kurang 500 orang.

Keseluruhan tingkap dewan ditutup dengan kain langsir biru yang tebal untuk memberikan suatu suasana tertutup yang kelihatan agak formal. Kelengkapan teknikal di gereja juga serba moden. Pertama sekali gereja Spiritual Assembly dilengkapi sepenuhnya dengan kemudahan hawa dingin. Terdapat hampir 10 buah monitor-monitor television yang ditempatkan di siling untuk memudahkan ahli-ahli yang duduk di belakang untuk menyaksikan segala yang berlaku di pentas.

Tiga perempat daripada tempat duduk dewan adalah dikhaskan kepada ahli-ahli yang memahami bahasa Inggeris manakala satu perempat daripada tempat duduk iaitu di bahagian belakang dewan dapat mendengar terjemahan servis-servis ke bahasa Kantonis melalui sistem PA. Terdapat juga alat-alat pendengaran (earphones) di belakang kerusi-kerusi untuk mereka yang ingin mendengar terjemahan dengan lebih jelas agar tidak diganggu oleh servis bahasa Inggeris yang biasanya kedengaran lebih kuat. Di bahagian belakang dewan merupakan sebuah bilik 'nursery' untuk kanak-kanak di mana pelbagai bentuk kemudahan permainan dan

pembelajaran disediakan. Sebuah television juga ditempatkan di dalam 'nursery' tersebut untuk ibu bapa mengikut serta aktiviti yang dijalankan sambil memerhatikan anak-anak mereka.

Struktur Keanggotaan Gereja

Keanggotaan gereja Spiritual Assembly memperlihatkan majoriti ahli dari kaum Cina, golongan India sebanyak 10% dan segelintir Eurasian yang mewakili lebih kurang 1% dari jumlah ahli. Kebanyakan daripada mereka kelihatan berasal dari golongan kelas menengah. Tidak ramai yang kelihatan datang dari kelas atas. Nisbah ahli-ahli lelaki dan wanita pula hampir sama rata. Majoriti kumpulan umur ahli pula adalah terdiri dari kumpulan umur bekerja iaitu dalam lingkungan 25 hingga 45 tahun. Ini diikuti oleh golongan dewasa muda antara 20 hingga 24 tahun dan golongan dewasa tua antara 45 hingga 55 tahun. Manakala golongan minoriti pula merupakan golongan tua dan yang ahli paling sedikit adalah dari golongan remaja.

Aktiviti-Aktiviti Gereja

Spiritual Assembly mengadakan servis pada setiap hari Ahad dan 'bible study' (pemahaman terhadap kitab Injil) pada hari Selasa untuk bahasa Inggeris dan hari Khamis untuk bahasa Cina. Manakala 'prayer meeting'

pula pada setiap hari Khamis. Sungguhpun aktiviti-aktiviti pada hari Selasa dan Khamis dipanggil 'bible study' tetapi yang anihnya agenda-agenda yang dijalankan adalah hampir sama dengan servis Ahadnya. Ini menyebabkan gereja Spiritual Assembly seolah-olah tidak mementingkan 'bible study' berbanding dengan gereja-gereja lain. Namun begitu kepentingan aspek ini boleh dikatakan tidak dapat ditentukan kerana tiada waktu dan hari khas diadakan hanya untuk 'bible study' tetapi dijalankan serentak semasa aktiviti-aktiviti gereja biasa sama ada servis Ahad ataupun sewaktu 'prayer meeting'.

Ketiadaan suatu masa khas untuk 'bible study' di Spiritual Assembly menunjukkan ia tidak dipentingkan tetapi sebaliknya menjadikan 'bible study' sebagai suatu yang wajib dalam setiap aktiviti gereja juga boleh mengimplikasi penekanan terhadap kepentingan 'bible study'. Isu pengkajian 'bible' adalah suatu yang amat dipertikaikan di gereja Spiritual. Ini adalah kerana walaupun 'bible study' dijalankan setiap masa ini tidak bermakna ia dipandang serius. Pengkaji mendapati ini tidak benar kerana pastornya sering kali mengecam orang-orang tertentu yang menjalankan kajian kritikal terhadap 'bible'. Baginya sesuatu yang merupakan mandat Tuhan adalah tidak dapat dipelajari oleh manusia biasa. Katanya jika cuba dipelajari juga seseorang itu akan menjadi gila.

Maka boleh dikatakan bahawa dalam gereja ini banyak kata-kata dari 'bible' diambil dari 'surface value' sahaja tanpa memberi interpretasi yang sesuai kepadanya. Namun pastor tersebut menkontradik kata-katanya sendiri kerana dalam tiap khutbahnya beliau akan memberi interpretasi sendiri terhadap ayat-ayat dalam 'bible'. Dari sini kita dapat melihat betapa kuatnya pengaruh pastor ini dalam gereja Spiritual sehingga beliau boleh membuat dan berkata apa sahaja atas alasan ia adalah dilakukan di bawah perintah 'Holy Spirit'.

Spiritual Assembly tidak membezakan dengan jelas agenda-agenda yang dijalankan sewaktu servis Ahad dengan 'prayer meeting' ataupun 'bible study'. Kedua-duanya walaupun dipanggil dengan nama berbeza dan dijalankan pada hari yang berlainan tetapi merupakan aktiviti-aktiviti yang hampir serupa. Satu perbezaan ialah pada hari Ahad pertama setiap bulan, upacara 'Holy Communion' akan dijadikan sewaktu servis pagi. Menurut seorang 'elder' dan juga seorang ahli gereja setiap perjumpaan yang diadakan di Spiritual Assembly tidak kira hari apa pun, jumlah kehadiran adalah amat memuaskan. Ini adalah kerana keyakinan ahli-ahli terhadap kehadiran 'Holy Spirit' di gereja tersebut telah mendorong mereka untuk menghadiri aktiviti-aktiviti gereja.

Servis Ahad Spiritual Assembly bermula pada pukul 10.30 pagi dan ahli-ahlinya mula tiba di gereja seawal pukul 9.00 pagi lagi. Waktu bermula sessi adalah agak lewat berbanding dengan kebanyakan gereja lain. Ini mungkin kerana ramai di antara ahli gereja tinggal agak jauh dari gereja ini. Ramai daripada ahli gereja yang pernah ditanya oleh pengkaji mengatakan mereka tinggal di Petaling Jaya, Subang Jaya dan juga Klang. Terdapat beberapa ahli khas yang ditugaskan untuk menyambut kedatangan ahli-ahli ke servis Ahadnya. Dua atau tiga penyambut tetamu akan berdiri di tingkat bawah bangunan sebelum lif manakala dua atau tiga lagi akan berada di antara lif dan pintu masuk gereja di tingkat atas. Penyambut-penyambut tetamu sering memanggil ahli-ahli yang disambut sebagai 'sister' atau 'brother' dan disertakan dengan ucapan selamat pagi serta berjabat tangan.

Apabila servis dimulakan seramai tujuh atau lapan orang pemain muzik dan ahli koir akan mengambil tempat masing-masing di atas pentas. Ini diikuti oleh seorang 'elder' yang akan mengetuai sessi 'worship' dan nyanyian. 'Elder' tersebut adalah seorang lelaki berbangsa Cina berusia 40an yang merupakan salah seorang daripada tiga orang 'elder' gereja Spiritual. Ahli-ahli mula berdiri dan muzik mula dimainkan. Senikata lagu akan ditayangkan ke layar langsir biru pada dinding

melalui 'overhead projector'. 'Elder' tersebut akan mengetuai nyanyian dengan memberitahu tajuk lagu sebelum bermula. Beliau juga akan memberitahu masa-masa di mana hanya wanita, lelaki atau ahli koir sahaja yang akan menyanyi. Ramai di antara ahli yang melambaikan satu atau kedua-dua tangan sewaktu sessi nyanyian. Yang anihnya ramai juga menanggalkan kasut ketika ini. Sessi nyanyian biasanya berlangsung selama 30 hingga 40 minit. Kemudian ianya dihentikan untuk sessi pemberian 'testimony'.

'Testimony' ini mesti dipersetujui oleh 'elders' dahulu sebelum boleh dibaca. Biasanya 'testimony' yang diperdengarkan tidak melebihi lima orang. Tiap-tiapnya merupakan peristiwa mengenai kejayaan dalam pekerjaan atau pelajaran, penyembuhan suatu penyakit, keupayaan menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah ataupun pemerolehan sesuatu yang dihajati. Kesemua pencapaian ini dikatakan diperolehi selepas merayu kepada Tuhan atau 'Holy Spirit'.

Setiap pembaca 'testimony' dikehendaki tampil ke hadapan untuk membaca 'testimony' mereka dalam bahasa Inggeris sama ada secara spontan atau membaca dari kertas. Bagi mereka yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, ada ahli-ahli gereja yang akan membantu membacakan 'testimony' mereka. Ada juga yang membaca dalam bahasa Kantonis atau Hokkien dan kemudian

diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Setiap kali satu 'testimony' habis dibaca, orang berkenaan akan rebah dan baring di atas lantai. Perbuatan ini dipanggil 'slaying in the spirit'. Ada juga yang mula menangis. Namun begitu peristiwa ini bukan sesuatu yang dianggap anih tetapi berlaku seolah-olah telah dirancang atau merupakan suatu yang wajib berlaku setiap kali 'testimony' dibacakan. Ini adalah kerana sebelum seseorang itu habis membaca 'testimony'nya, seorang ahli gereja akan berdiri di belakangnya. Apabila pembaca telah selesai berucap dan mula jatuh, ia segera disambut oleh ahli gereja yang berdiri di belakangnya. Kemudian mereka akan meletakkan badan pembaca secara perlahan-lahan ke atas lantai. Jika pembaca adalah seorang wanita, ahli gereja akan menyediakan sehelai kain putih untuk menutup badannya sewaktu ia berbaring. Biasanya pembaca akan berbaring selama 1 hingga 5 minit sambil menangis.

Selepas pembacaan 'testimony', sesi nyanyian akan diteruskan semula selama lebih kurang 10 minit lagi. Kemudian lebih kurang pukul 11.30 pagi sessi ini berakhir dan ahli-ahli pun mula mengambil tempat duduk masing-masing. Pastor akan memulakan khutbahnya dengan suatu ucapan 'prayer' kepada 'Holy Spirit'. Ahli-ahli gereja disuruh menundukkan kepala sewaktu 'prayer' tersebut dibaca. Kemudian pastor akan memulakan khutbahnya. Jangka masa panjang khutbah adalah tidak

dihadkan. Menurut Pastor Simon Sim, beliau berkhutbah bukan mengenai apa yang ingin beliau sampaikan tetapi mengenai apa yang ingin disampaikan oleh 'Holy Spirit'. Segala yang dikhutbahkan dikatakan adalah kata-kata 'Holy Spirit' dan beliau hanyalah suatu medium untuk menyampaikan mesej tersebut sahaja. Oleh itu beliau mengatakan adalah tidak patut untuk menetapkan had masa bagi khutbah kerana selagi 'Holy Spirit' ingin menyampaikan mesejnya, selagi itulah ia akan terus berkhutbah. Kadang-kadang servis Ahad berlanjutan sehingga pukul 5.00 petang. Namun begitu ahli-ahli yang ingin meninggalkan gereja dibenarkan pulang.

Khutbah yang dijalankan pada setiap Ahad juga berbeza. Segala yang berlaku adalah secara spontan atau menurut Pastor Simon Sim merupakan kehendak 'Holy Spirit'. Kadang-kadang sessi khutbah dihentikan dan disambung dengan upacara penyembuhan atau mengikut pastor dipanggil sebagai 'ministering'. Dalam upacara ini ahli-ahli yang mengalami penderitaan sama ada secara emosi atau fizikal diminta mengaku kesalahan masing-masing sebelum disembuhkan (to repent). Pada ketika ini, suasana akan menjadi riuh kerana ramai ahli mula meraung dan menangis. Kadang-kadang pastornya juga turut menangis bersama.

Sebelum setiap sessi penyembuhan dimulakan, pastor akan berkata bahawa beliau akan memberitahu langkah-

langkah yang harus dilakukan sebelum seseorang itu disembuhkan. Jika seseorang itu tidak mengikut langkah-langkah tersebut, penyembuhan tidak akan berjaya. Menurutnya, setelah mengaku kesalahan seseorang itu harus merasai suatu gegaran seperti gempa bumi. Katanya lagi hanya mereka yang merasai gegaran tersebut adalah mereka yang boleh disembuhkan. Selepas itu mereka disuruh meletakkan tangan ke bahagian yang hendak disembuhkan sambil mengucapkan kata-kata seperti, "Holy Spirit, I have repented . Give me total healness." Ini akan diikuti dengan suasana yang bising di mana ramai ahli-ahli akan menyeru kepada 'Holy Spirit' secara kuat diikuti dengan dengan tangisan sama ada secara senyap atau secara histerikal. Apabila keadaan mulai tenang, ramai yang akan menyebut kata-kata seperti "Thank you, Lord" atau "Praise the Lord". Sessi penyembuhan ini berakhir dengan seruan pastor untuk memberikan tepukan yang kuat kepada 'Holy Spirit' atas keajaiban kuasa penyembuhannya.

Pastor kemudian menyeru golongan yang telah disembuhkan untuk tampil ke hadapan untuk menerima 'the touch of God' di mana pastor akan meletakkan tangannya di dahi atau dada ahli sambil mengucapkan kata-kata 'prayer'. Setiap kali seseorang itu disentuh oleh pastor, mereka akan menangis (tidak mengira lelaki atau wanita) dan kemudian akan jatuh dan berbaring di atas lantai. Menurut pastor sesiapa yang tidak menerima 'the

'touch of God' ini tidak akan mendapat penyembuhan yang sempurna atau tidak sah penyembuhannya.

Setelah selesai menjalani sessi 'the touch of God', ahli-ahli yang telah mendapat penyembuhan disuruh tampil ke depan untuk memberikan 'testimony' mengenai apa yang berlaku sebelum penyembuhan dan bagaimana mereka telah disembuhkan. Kebanyakannya mengatakan mereka mengalami keadaan seperti gempa bumi dan kemudian mendapati suatu perasaan atau sensasi yang panas atau sejuk masuk ke dalam tubuh atau ke bahagian yang mengalami kesakitan lalu menghilangkan kesakitan tersebut. Ada beberapa ahli yang apabila ditanya sama ada telah disembuhkan, menjawab bahawa mereka masih berasa sedikit kesakitan..

Ahli-ahli ini dimarahi oleh pastor yang mengatakan mereka tidak mengaku kesalahan mereka dengan sepenuhnya ataupun mengatakan mereka tidak mengikuti langkah-langkah penyembuhan seperti yang diberikan. Ahli-ahli ini disuruh mengulangi keseluruhan proses itu sekali lagi dan kemudian ditanya sekali lagi sama ada mereka telah disembuhkan. Hampir semua menjawab ya. Sama ada mereka benar-benar telah disembuhkan atau hanya berkata demikian untuk mengelakkan dari dimarahi oleh pastor adalah tidak dapat dipastikan. Tetapi yang pastinya semua ahli gereja mempunyai kepercayaan yang amat sangat kepada penyembuhan spiritual yang berlaku di

gereja tersebut dan kepada keupayaan Pastor Simon Sim dalam mengendalikan penyembuhan.

Salvation Church

Lokasi dan Pelan

Salvation Church merupakan sebuah gereja dari denominasi Assemblies of God yang diketuai oleh Pastor Victor Loo*. Gereja yang berusia 33 tahun ini terletak di Jalan Gasing, Petaling Jaya dan mempunyai bilangan ahli seramai lebih kurang 600 orang. Sebelum Pastor Victor Loo, gereja ini telah dikendalikan oleh 8 orang pastor. Sejarah Salvation Church bermula pada tahun 1960 dengan perjumpaan-perjumpaan agama oleh beberapa orang di pejabat pengetua sebuah institut keagamaan yang terletak berhampiran dengan gereja tersebut. Selepas setahun menjalankan aktiviti-aktiviti evangelisme di bawah pimpinan pastor pertamanya, keahlian gereja meningkat kepada 60 ahli. Salvation Church hanya diorganisasikan secara tersusun sebagai sebuah gereja rasmi pada tahun 1964 dan bangunan yang dimilikinya sekarang hanya siap dibina pada tahun 1984.

Struktur organisasi gereja Salvation Church diketuai oleh pastor, diikuti oleh 'associate pastors' seramai 4 orang dan sebuah jawatankuasa yang terdiri dari ahli-ahli yang dipanggil 'elders'. Mereka ini

*Nama samaran telah digunakan untuk pastor.

dipilih dari kalangan ahli-ahli gereja berdasarkan pengalaman dan keaktifan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti gereja. Gereja Salvation dibahagikan kepada dua bahagian gereja utama iaitu satu yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium dan satu lagi yang menggunakan bahasa Kantonis. Kedua-duanya menjalankan program-program yang sama secara serentak iaitu pada masa yang sama tetapi dalam bangunan yang berlainan. Sungguhpun Salvation Church terdiri dari gabungan dua gereja tetapi bangunan utama di mana sessi bahasa Inggeris diadakan merupakan gereja utamanya. Terdapat gereja khas untuk kanak-kanak berumur 3 hingga 12 tahun di mana di samping mengadakan aktiviti-aktiviti kraftangan, mereka juga diajar asas pengetahuan mengenai agama Kristian dan bagaimana mengenali Tuhan melalui 'prayer', 'worship' dan kitab Injil.

Keseluruhan bangunan gereja adalah berhawa dingin, dilengkapi dengan layar untuk tayangan 'overhead projector' sewaktu 'worship' serta sistem bunyi yang baik dan serba moden. Berlainan dengan Spiritual Assembly yang agak sempit suasannya, Salvation Church mempunyai kawasan yang cukup selesa dan moden untuk menampung dua kali ganda ahli berbanding dengan gereja Spiritual Assembly.

Struktur Keanggotaan Gereja

Boleh dikatakan hampir 98% daripada ahli-ahli Salvation Church terdiri dari kaum Cina dan hanya sebilangan kecil terdiri dari golongan India dan Eurasian. Rata-ratanya majoriti ahli diwakili oleh golongan kelas menengah atas, eksekutif, peniaga dan lain-lain. Berbanding dengan Spiritual Assembly, ahli-ahli dari golongan rendah adalah sangat kurang di Salvation Church. Spiritual Assembly memperlihatkan keanggotaan dari kelas menengah rendah yang lebih signifikan. Lebih 80% daripada ahli gereja Salvation Church terdiri dari golongan dewasa hingga tua. Manakala selebihnya mewakili golongan kanak-kanak dan remaja. Lebih 40% daripada ahli terdiri dari kumpulan umur bekerja iaitu dalam lingkungan 25 hingga 45 tahun. Hampir 20% terdiri dari golongan dewasa muda antara 20 hingga 24 tahun dan selebihnya diwakili oleh golongan tua. Majoriti ahli-ahli yang menghadiri gereja Cina pula terdiri dari golongan dewasa tua.

Aktiviti-Aktiviti Gereja

Seperti gereja-gereja lain, Salvation Church mengadakan servis pada setiap Ahad, 'prayer meeting' setiap Rabu malam dan 'bible study' pada setiap Ahad. Di samping itu juga terdapat satu kertas peperiksaan

'Institute of Christian Education' yang diberikan kepada penuntut-penuntut di kelas 'bible study'. Aktiviti-aktiviti lain pula merangkumi perjumpaan untuk latihan nyanyian, tarian dan lakonan.

Walaupun telah dikatakan awal tadi bahawa hampir semua gereja Protestant di Malaysia menerima pengaruh pergerakan Pentecostalisme tetapi diperhatikan kesan pengaruh ini ke atas Salvation Church adalah tidak sehebat mana. Servis Ahad yang dikendalikan misalnya tidak banyak berbeza dari segi kandungan dengan gereja-gereja Protestant lain. Cuma ia boleh dikatakan lebih serius dan tidak begitu ekspresif. Servis Ahad gereja ini dimulakan dengan pembacaan ayat-ayat dari kitab Injil. Kemudian diikuti dengan sessi nyanyian atau 'worship'. Sessi ini biasanya diketuai oleh seorang 'song leader' dan ahli-ahli koir disertai dengan alat-alat muzik. Pengaruh Pentecostalisme hanya jelas dalam sessi nyanyiannya yang kadang-kadang sangat bertenaga dan berentak 'rock'. Ahli-ahlinya juga menyanyi sambil bertepuk tangan dan menggoyangkan badan. Kadang-kadang ketika asyik menyanyi, ada di antara ahli yang memasuki alam glossolalia. Aktiviti glossolalia atau 'speaking in tongues' ini dipraktikkan secara aktif di Salvation Church.

Secara amnya, servis yang dikendalikan di gereja-gereja Katolik sering dilabelkan sebagai 'rigid'.

Tetapi yang sebenarnya servis yang dikendalikan di gereja-gereja Protestant juga bersifat rigid atau lebih tepat lagi bersifat 'routine' dengan 'ritual' yang tetap. Yang berbeza cuma aturcara servis gereja Katolik dibukukan dalam 'The Book of Hymns' untuk diikuti oleh penganut-penganutnya. Sungguhpun gereja Protestant tidak menerbitkan buku-buku mengenai susun cara agenda servis, namun didapati setiap Ahad, aturcara ini tidak berbeza. Walau bagaimanapun di Salvation Church terdapat variasi dalam aktiviti-aktiviti sewaktu servis Ahad. Contohnya kadang-kadang terdapat persembahan nyanyian khas oleh ahli-ahli koir atau kanak-kanak. Aktiviti ini diadakan terutamanya sewaktu hari-hari perayaan Kristian seperti Hari Krismas dan Easter ataupun hari-hari sambutan seperti Hari Ibu atau Bapa. Di Spiritual Assembly, servis Ahad berjalan seperti biasa tanpa sebarang suasana perayaan.

Pengaruh Pentecostalisme yang lemah di Salvation Church bukan sahaja dirasai oleh pengkaji tetapi juga oleh ahli-ahli gereja. Ada di antara ahli-ahli gereja ini yang menghadiri servis-servis gereja lain seperti Tabernacle of Glory dan juga Spiritual Assembly semata-mata untuk mendapatkan kebebasan spiritual (spiritual relieve) atau untuk membolehkan mereka menjalankan penyembahan secara lebih ekspresif demi mendapatkan kepuasan dari segi spiritual.

BAB 4

HEALING RALLIES

'Healing Rallies' adalah perjumpaan-perjumpaan secara besar-besaran oleh penganut-penganut Kristian untuk tujuan-tujuan penyembuhan, 'deliverence', mencapai sesuatu yang dihajati dengan penyembahan atau semata-mata untuk mendekatkan diri dengan Tuhan. Ianya mula dipraktikkan secara meluas apabila Oral Roberts memperkenalkan 'Healing Wings Revival Ministry'nya di Tulsa, Oklahoma pada tahun 1950an. Penekanannya terhadap penyertaan secara interdenominasi masih diamalkan dalam rally-rally yang diadakan pada hari ini. Yang berbeza adalah rally sekarang lebih memperlihatkan penyertaan ahli-ahli Kristian berbanding dengan bukan Kristian. Aspek-aspek penyelewengan dalam tujuan rally-rally ini juga mula wujud dewasa ini.

Antara rally-rally terkenal yang diadakan di bandar Kuala Lumpur adalah seperti 'Shine Jesus Shine' dan 'Victory Rally' yang kedua-duanya diadakan di Wisma MCA. 'Shine Jesus Shine' diorganisasikan oleh sebuah jawatankuasa yang diwakili oleh ahli-ahli beberapa gereja Katolik. Oleh itu kehadiran ke rally ini memperlihatkan majoriti dari gereja-gereja Katolik dan Anglikan. Gereja St. Francis Xavier merupakan salah sebuah gereja yang mengambil bahagian secara aktif dalam organisasi dan aktiviti rally ini. Selain dari

itu juga didapati majoriti yang hadir adalah terdiri dari kaum India. Kaum ini mewakili hampir 60% dari peserta-peserta rally, 35% terdiri dari kaum Cina manakala selebihnya dari golongan Eurasian dan lain-lain.

'Victory Rally' pula menekankan satu gereja yang universal (one church) iaitu menggalakkan penyertaan interdenominasi. Namun begitu rally ini lebih cenderung dihadiri oleh penganut dari gereja-gereja persendirian dan Protestant. Spiritual Assembly merupakan penyokong aktif 'Victory Rally'. Ini adalah kerana Pastor Simon Sim bersepakat dan menyokong pandangan Morris Cerrulo iaitu pengendali 'Victory Rally'. Kehadiran ke rally ini lebih menunjukkan dominasi kaum Cina berbanding dengan kaum-kaum lain.

Rally 'Shine Jesus Shine' merupakan suatu bentuk aktiviti oleh kumpulan karismatik gereja untuk membolehkan para karismatik berkumpul untuk menjalankan 'charismatic worship'. Dalam rally ini, corak penyembahan yang ekspresif digalakkan. Nyanyian yang bersemangat dengan rentak-rentak yang cepat mendapat sambutan yang hangat dari peserta-peserta rally. Ramai di antara mereka yang menyanyi sambil mempraktikkan glossolalia. Selain dari glossolalia, pelbagai aktiviti ekspresif untuk menunjukkan rasa setia dan kagum kepada kuasa Tuhan juga diperhatikan seperti pemujaan tanpa berhenti-henti terhadap keagongan Jesus dan menangis

sambil meraungkan nama Jesus. Dalam rally ini juga ramai bukan Kristian yang menerima Jesus dan mula berniat memeluk agama Kristian. Golongan ini kebanyakannya melaporkan mengalami perasaan atau sensasi yang luar biasa seperti diselubungi oleh suatu kuasa hebat dan indah yang menyebabkan mereka menangis. Kuasa yang luar biasa ini dikatakan sebagai manifestasi Jesus terhadap manusia untuk menyayangi dan mempercayainya. Ada juga di antara peserta-peserta terutamanya bukan Kristian yang meronta-ronta seolah-olah cuba melawan sesuatu kuasa asing apabila 'prayer' sedang diucapkan kepada mereka. Dalam kes-kes seperti ini, orang-orang yang berpengetahuan agama akan melakukan 'deliverence' terhadap orang-orang tadi kerana mereka dianggap dikawal oleh kuasa syaitan yang sedang cuba menolak diri dari menerima Jesus.

Kebanyakan rally-rally sama ada anjuran denominasi Katolik atau Protestant bersifat terbuka kepada kehadiran ahli sama ada Kristian atau bukan Kristian. Namun begitu dalam kes ini, hanya rally 'Shine Jesus Shine' bersifat terbuka manakala 'Victory Rally' hanya dikhaskan kepada penganut Kristian sahaja. Dikatakan bahawa mereka yang bukan Kristian tidak akan dapat disembuhkan jika menghadiri rally tersebut. Maka di sini terdapat percanggahan pendapat mengenai siapakah yang layak diubati dan siapa yang tidak. Jika menurut pendapat bahawa Jesus menyayangi manusia sama ada yang

menerima atau yang tidak menerimaNya, maka adalah wajar bahawa sesiapapun boleh disembuhkan. Tetapi jika mengikut 'doktrin' penyembuhan seperti yang diamalkan oleh Spiritual Assembly bahawa hanya mereka yang mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada Jesus sahaja boleh diubati, maka hanya golongan Kristian sahaja yang layak menerima penyembuhan dari Jesus.

Tema penyembuhan secara spontan telah digunakan sebagai daya tarikan kepada orang ramai dan seterusnya dijadikan sebagai satu bentuk evangelisme. Mesej penyembuhan ini disebarluaskan khasnya kepada orang-orang cacat seperti buta, lumpuh atau pekak. Orang-orang cacat digalakkan menghadiri rally-rally dengan janji bahawa mereka akan disembuhkan oleh kuasa Tuhan. Mereka juga telah dipergunakan oleh penganjur-panganjur rally untuk membuktikan kepada orang ramai tentang kebenaran kuasa Jesus dalam memakbulkan kejadian-kejadian ajaib.

Pengaruh Penyembuhan Ke Atas Orang-orang Cacat

Hasil dari pemerhatian pengkaji di rally-rally, didapati terdapat suatu fenomena sosial dan psikologikal terhadap orang-orang cacat dalam rally-rally yang diadakan di Kuala Lumpur. Sama ada ianya dilakukan secara sedar atau tidak adalah sukar dipastikan. Ramai daripada orang-orang cacat yang bersetuju menghadiri rally biasanya akan mendapat

banyak perhatian sebelum dan semasa rally. Contohnya ahli jawatankuasa rally akan menyediakan kemudahan pengangkutan kepada orang-orang cacat untuk menghadiri rally. Semasa rally diadakan pula, orang-orang cacat akan ditempatkan di tempat duduk yang dikhaskan, biasanya di barisan hadapan berhampiran pentas.

Pada umumnya, orang ramai mempunyai suatu anggapan atau andaian bahawa setiap orang cacat perlu disembuhkan atau segala kecacatan itu perlu diperbetulkan untuk menjadikan orang yang cacat itu normal semula. Inilah anggapan yang dipegang oleh kebanyakan orang terhadap orang-orang cacat yang menghadiri rally. Perasaan dan keinginan sebenar golongan cacat mungkin telah diabaikan tanpa disedari dan tidak juga ditanya.

Dalam sesi rally ketika mengucapkan 'prayer' kepada seorang yang cacat, mereka akan terus menyeru Jesus untuk menyembuhkan kecacatan mereka, contohnya yang buta diminta untuk melihat semula dan yang lumpuh diminta berjalan semula. Manakala orang-orang lain yang tidak cacat pula ditanya dahulu apa yang perlu disembuhkan atau apakah hajat yang perlu diminta kepada Jesus sebelum 'prayer' disebutkan.

Apa yang tidak disedari oleh ramai orang ialah kemungkinan orang-orang cacat ini tidak mahu meminta Jesus untuk menyembuhkan kecacatan mereka. Bagi

kebanyakan mereka, kecacatan yang ada mungkin telah merupakan suatu kebiasaan kepada mereka. Sebaliknya, mereka mungkin merasa tidak selesa contohnya jika boleh menggunakan kaki semula setelah cacat sejak lahir. Kecacatan mungkin dianggap sebagai suatu yang semulajadi kepada golongan ini terutamanya yang cacat sejak dilahirkan. Ramai daripada orang-orang cacat yang menghadiri rally, terutama yang telah mengunjunginya beberapa kali biasanya ingin mendapatkan penyembuhan dalam aspek lain seperti emosi atau masalah-masalah lain bukan fizikal yang sedang dihadapi.

Ramai orang yang melihat kejadian-kejadian penyembuhan sewaktu rally terutamanya yang melibatkan orang-orang cacat mungkin mempercayai peristiwa-peristiwa tersebut tanpa soal. Contohnya selepas 'prayer' penyembuhan diucapkan kepada orang-orang cacat, pengucap 'prayer' akan cuba membuktikan kebenaran kuasa Tuhan. Memang terdapat kejadian di mana seorang yang lumpuh dapat disembuhkan dan boleh berjalan semula. Tetapi dalam kebanyakan kes, ini adalah suatu yang disalahtafsir oleh orang ramai.

Umumnya, masyarakat menyangka orang-orang cacat yang menghadiri rally adalah sama ada tidak boleh berjalan langsung ataupun buta atau pekak langsung. Tetapi yang sebenarnya, mereka mungkin tidak cacat sepenuhnya. Seorang yang lumpuh atau menggunakan alat

bantuan berjalan mungkin boleh berjalan sedikit tanpa bantuan atau yang pekak itu mungkin boleh mendengar sedikit jika bunyi tersebut adalah cukup kuat. Oleh itu apabila seorang yang lumpuh disuruh berjalan oleh pengajur rally, walaupun ia sebenarnya berupaya berjalan sedikit tetapi keupayaannya dianggap sebagai bukti bahawa ia telah disembuhkan oleh Tuhan.

Setengah pengajur rally mempergunakan dan memperhebatkan hasil-hasil seperti ini sebagai bukti kekuasaan Jesus dalam membulatkan permintaan-permintaan manusia. Dan ini dipercayai sepenuhnya oleh orang-orang yang menghadiri rally tersebut kerana mereka telah melihatnya dengan mata mereka sendiri. Ini akan menyebabkan berita mengenai peristiwa-peristiwa ajaib yang berlaku di rally menjadi semakin hebat dan merupakan suatu bentuk publisiti kepada rally-rally yang akan datang.

Adalah agak menghairankan kerana ramai orang yang pernah menghadiri rally-rally ini tidak mempersoalkan kebenaran kejadian-kejadian 'miracle' tersebut. Namun begitu mungkin juga sebagai penganut setia Kristian yang mempercayai kekuasaan Jesus yang maha agong menyebabkan peristiwa-peristiwa tersebut disabitkan sebagai tindakan Tuhan tanpa sebarang pertanyaan. Mempersoalkannya bermakna mencurigai kepatuhan dan keyakinan terhadap Jesus dan ini mungkin tidak dapat

diterima oleh seorang Kristian. Tetapi bagi orang-orang cacat yang beragama Kristian ini, mereka menganggap tindakan yang dilakukan oleh pihak rally kepada mereka dan kegagalan mendapat penyembuhan bukan bermakna Jesus tidak berupaya melakukan penyembuhan. Sebaliknya mereka berpendapat aspek ini telah disalahgunakan oleh golongan pengajur rally untuk tujuan yang salah. Para pengajur rally hanya memberikan perhatian kepada golongan cacat semasa rally tetapi tidak mengambil berat terhadap keperluan mereka selepas rally tamat. Jika rally diadakan setahun sekali, maka mereka hanya mengunjungi orang-orang cacat ini setahun sekali untuk tujuan rally. Para pengajur hanya ingin mempergunakan golongan cacat sebagai bahan kajian (guinea pigs) untuk menyokong propaganda penyembuhan supaya lebih ramai orang akan tertarik untuk menghadiri rally-rally tersebut.

Perlakuan yang begini terhadap golongan cacat ini bukan sahaja menyebabkan mereka merasa kecewa apabila gagal disembuhkan malah ramai yang lemah semangat dan juga mula merasa kurang yakin terhadap Jesus. Oleh sebab itu golongan cacat telah mula menujuhkan suatu kelompok tersendiri untuk membantu dan memberi sokongan emosi sesama sendiri supaya perlakuan ini dapat dihalang dari berlaku selanjutnya. Apa yang berlaku sekarang ialah orang ramai mula mempersoalkan tentang kesahihan kejadian-kejadian penyembuhan seperti yang

dilaporkan oleh penganjur-penganjur serta peserta-peserta rally.

Sejauh manakah dapat diketahui sama ada penyembuhan itu adalah seratus peratus benar? Ramai orang yang tidak mungkin dapat mengetahui jawapan kepada persoalan ini. Ini adalah kerana selepas sesuatu rally itu tamat, para peserta akan bersurai dan pulang. Ramai di antara mereka tidak mengenali antara satu sama lain dan tidak mungkin dapat menemui atau mencari individu-individu yang didakwa telah disembuhkan. Para penganjur juga tidak menyimpan sebarang rekod atau dokumen mengenai peserta-peserta rally ataupun nama dan maklumat-maklumat individu-individu yang telah disembuhkan. Ini bermakna tidak ada 'follow up' dijalankan untuk membuktikan atau mengenalpasti sama ada sesuatu penyembuhan itu bersifat sementara atau kekal.

Ramai dari golongan cacat yang merasa telah dipergunakan bersepandapat bahawa pihak penganjur harus melakukan beberapa perkara untuk mengelakkan daripada timbulnya lebih banyak syak wasangka orang ramai terhadap rally-rally ini. Pertama sekali para penganjur harus mengadakan satu sistem dokumentasi yang tersusun untuk mendapatkan latar belakang tentang para peserta yang hadir dan juga mengenalpasti siapakah di antara peserta-peserta rally yang telah disembuhkan. Ini membolehkan mereka menerbitkan suatu laporan khas

mengenai jenis-jenis penyembuhan yang telah dilakukan serta peratusan atau bilangan sebenar ahli yang telah disembuhkan sama ada penyembuhan emosi atau fizikal. Tidak kurang penting juga ialah kata-kata individu-individu yang telah disembuhkan mengenai pengalaman mereka sebelum dan selepas penyembuhan.

Satu lagi isu penting yang tidak diambil perhatian oleh penganjur rally ialah pengesahan penyembuhan-penyembuhan yang berlaku semasa rally. Oleh kerana setiap rally melaporkan begitu banyak kes penyembuhan berlaku, maka para penganjur seharusnya melantik doktor-doktor atau pertubuhan-pertubuhan perubatan untuk sama-sama menghadiri rally. Para doktor dengan alat-alat perubatan khas harus hadir untuk mengesahkan kebenaran penyembuhan sesuatu penyakit untuk membuktikan bahawa pesakit-pesakit benar-benar telah disembuhkan.

Tanpa kehadiran pakar-pakar perubatan untuk pengesahan, sebarang penyembuhan tidak sepatutnya boleh dianggap sebagai benar. Malangnya, aspek ini tidak dipersoalkan oleh para peserta yang menerima kata-kata penganjur secara bulat-bulat apabila sesuatu kejayaan penyembuhan dilaporkan. Namun begitu, dengan mendapatkan pembuktian dari pakar perubatan adalah seolah-olah meragui kebenaran kuasa Jesus. Tetapi sebaliknya jika kuasa Jesus itu adalah benar, tidak ada

sebabnya mengapa pemeriksaan tidak dapat dijalankan terhadap individu-individu yang telah disembuhkan. Malah ini hanya menyokong dan mengukuhkan kebenaran kuasa Jesus.

Ramai daripada golongan cacat juga merasa kesal kerana mereka diberi janji-janji palsu bahawa Jesus akan menyelamatkan atau menyembuhkan mereka. Apa pula yang terjadi kepada mereka apabila penyembuhan yang dijanjikan tidak berlaku? Biasanya, pengendali sesi akan memberikan pelbagai alasan terhadap kegagalan penyembuhan seperti kekurangan keyakinan kepada Jesus, tidak mengaku dosa-dosa yang telah dilakukan ataupun akibat dosa-dosa yang telah dilakukan oleh ahli-ahli keluarga yang lain. Dalam kes-kes ini, didapati golongan ini telah memutar-belitkan kata-kata Jesus mengikut kesukaan mereka demi untuk melindungi kepentingan sendiri. Oleh sebab itu, adalah sangat sukar untuk menentukan kriteria-kriteria yang menentukan keberjayaan sesuatu penyembuhan.

Penyembuhan: Perbezaan Perlakuan Penyembuhan dan Implikasinya

Penyembuhan merupakan salah satu aspek aktiviti Karismatik yang mendapat perhatian yang berleluasa di kalangan penganut Kristian dewasa ini. Seperti yang telah dibincangkan awal tadi, hampir kesemua rally-rally yang diadakan kini menggunakan penyembuhan

sebagai tema utama untuk menarik lebih ramai peserta untuk menghadiri rally-rally anjuran mereka. Gereja-gereja persendirian seperti Spiritual Assembly pula telah menjadikan penyembuhan sebagai sebahagian daripada aktiviti gereja yang sering diadakan ataupun secara spontan sewaktu sesi 'worship'. Manakala penganut Katolik pula mula menjadikan penyembuhan sebagai sebahagian daripada aktiviti keagamaan mereka setelah pengaruh karismatik mula menguatkan kedudukannya dalam gereja-gereja Katolik.

Sungguhpun kedua-dua denominasi Katolik dan Protestant mempraktikkan penyembuhan secara aktif, namun cara praktiknya adalah berbeza. Seperti yang diperhatikan dalam rally 'Shine Jesus Shine', penganut Katolik mempraktikkan penyembuhan melalui 'prayer'. Bagi golongan Katolik, 'the power of prayer' memainkan peranan yang paling penting dalam menjayakan satu-satu penyembuhan. Sama ada 'prayer' tersebut diucapkan oleh si pesakit ataupun oleh orang lain kepadanya adalah tidak penting (ataupun sama penting). Tetapi yang perlu diambilkira ialah 'prayer' harus diucapkan berulang-kali dengan penuh keikhlasan dan kepercayaan kepada kuasa Tuhan.

Jika diperhatikan golongan Protestant dalam aktiviti-aktiviti penyembuhan mereka pula, 'prayer'

tidak memainkan peranan yang terpenting dalam sesuatu penyembuhan. Contohnya seperti di gereja Spiritual Assembly dan juga rally-rally anjuran denominasi Protestant, secara ringkasnya terdapat empat langkah utama dalam sesi penyembuhan. Pertama sekali para penganut akan diminta mengaku bersalah ke atas segala dosa yang telah dilakukan dan mengakui keagungan kuasa Tuhan dalam memaafkan segala dosa-dosa mereka. Kemudian mereka diminta meletakkan tapak tangan ke bahagian-bahagian badan yang ingin disembuhkan sambil meminta kepada Tuhan untuk menyalurkan kuasanya melalui tapak tangan tersebut ke bahagian yang sakit untuk disembuhkan.

Dikatakan jika cara-cara yang disebutkan tadi dituruti dan dijalankan dengan penuh keikhlasan hati, seseorang itu pasti akan disembuhkan. Selepas melalui langkah-langkah tersebut, para penganut harus mendapatkan sentuhan tangan (laying on of hands) dari pastor atau orang-orang yang mengendalikan sesi penyembuhan untuk menyempurnakan satu-satu penyembuhan yang telah dilakukan melalui kuasa 'Holy Spirit' tadi. Sekiranya sentuhan tangan ini tidak dilakukan maka penyembuhan yang telah dirasakan terjadi oleh si pesakit itu tidak kekal ataupun ia hanya disembuhkan untuk jangka pendek sahaja. Dan selepas sentuhan tangan dilakukan, para penganut akan mula menangis dan rebah ke lantai. Aksi ini dinamakan 'slaying in the spirit'.

Maka dari sini didapati golongan Protestant mementingkan suatu turutan langkah-langkah yang tetap sebagai kunci kepada kejayaan atau keberkesanan sesuatu penyembuhan. Sebarang kegagalan pada penyembuhan akan dipersalahkan ke atas si pesakit atas kegagalan dalam mempraktikkan salah satu daripada langkah-langkah tersebut.

Sungguhpun kebanyakan penyembuhan secara spiritual ini telah dilapurkan benar-benar berlaku, namun masih tidak ada dokumen atau laporan yang sah oleh pihak-pihak yang terlibat untuk menyokong dan mengesahkan laporan ini. Namun begitu ini tidak menghalang sambutan yang menggalakkan dari para penganut terhadap sesi penyembuhan sehingga ada di antara penganut yang memandang cara ini sebagai jalan tunggal dalam menyelesaikan sebarang kesulitan fizikal atau masalah-masalah lain yang dialami.

Kepercayaan yang keterlaluan terhadap penyembuhan ajaib (miraculous healing) adalah tidak sihat khasnya apabila penyembuhan tidak berjaya. Penyembuhan juga menjadi suatu fenomena yang tidak sihat apabila suatu penyembuhan yang berjaya menjadi sebab kepada seseorang yang bukan Kristian menerima Jesus atau Kristianiti. Ini boleh menimbulkan suatu persepsi yang salah terhadap agama Kristian serta kaitannya dengan fenomena penyembuhan. Bagi penganut Kristian yang mempunyai

keyakinan yang sepenuhnya kepada Jesus pula, kegagalan satu-satu penyembuhan boleh menyebabkan keyakinan ini tergugat sehingga mencabar kepercayaan dan pegangan keagamaan mereka.

Aktiviti penyembuhan di gereja Salvation Church pula bukan merupakan satu aspek karismatik yang dipentingkan. Berlainan dengan gereja Spiritual Assembly, Salvation Church tidak menjadikan penyembuhan sebagai salah satu daripada aktiviti yang biasa diperlakukan sewaktu servisnya. Malah ramai daripada ahlinya yang berpendapat gereja Spiritual Assembly adalah terlalu berlainan sifat pengendalian dan pegangan doktrinnya sehingga merasa tidak selesa dengan cara servis yang dijalankan oleh gereja tersebut. Namun begitu ada di antara ahli-ahli gereja Salvation Church yang menghadiri servis Spiritual Assembly untuk memperolehi pembaharuan dan pembebasan dari segi spiritual. Sungguhpun penyembuhan tidak dijadikan suatu kegiatan yang aktif di Salvation Church tetapi penyembuhan secara persendirian atau 'private healing' dilaporkan oleh ramai ahli-ahli yang ditemubual oleh pengkaji.

BAB 5

Aspek-Aspek Pengaruh Pergerakan Pentecostalisme dan Karismatik ke atas Pemikiran, 'Worship' dan Kebudayaan Kristian di Gereja-Gereja Protestant dan Katolik di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Perkembangan gereja-gereja Katolik dan Protestant di Malaysia dewasa ini memang jelas memperlihatkan pengaruh dan perkembangan Pergerakan Pentecostal dan Karismatik. Pengaruh ini dapat diperhatikan dalam setiap aspek keagamaan sama ada 'worship', doktrin keagamaan ataupun cara hidup Kristian. Antara sumbangan yang paling signifikan dari kedua-dua pergerakan ini adalah paling menonjol dalam corak 'worship' yang lebih ekspresif, bersemangat dan lebih spontan diikuti oleh kejadian-kejadian luar biasa seperti glossolalia, visi dan ramalan yang memperlihatkan suatu aspek sumbangan yang penting oleh pergerakan-pergerakan ini iaitu pengaruh 'Holy Spirit'.

Peranan dan Kedudukan 'Holy Spirit' dalam Doktrin Keagamaan Pergerakan-Pergerakan Pembaharuan

Pada asasnya kesemua aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi adalah dikaitkan sebagai cara 'Holy Spirit' memanifestasikan kekuasaannya melalui pelbagai 'spontaneous outburst' yang diekspresikan oleh para pengikut Kristian. Memang tidak dapat dinafikan bahawa

pergerakan Pentecostal dan Karismatik menunjukkan penekanan yang lebih serius terhadap isu 'Holy Spirit' berbanding dengan dua lagi unsur 'Holy Trinity' yang lain iaitu 'God the Father' dan 'God the Son'. Dalam perbincangan selanjutnya pengkaji akan meneliti sejauh manakah 'Holy Spirit' telah mengubah pandangan dan persepsi penganut terhadap agama Kristian setelah berlakunya pergerakan-pergerakan pembaharuan ini dan apakah sebab-sebab yang menyebabkan mereka telah mengalihkan perhatian kepada 'Holy Spirit'.

Sebab utama mengapa 'Holy Spirit' dikatakan sebagai penggerak kepada pergerakan dan pembaharuan dalam agama Kristian ialah kerana mengikut kitab 'Old Testament', segala kehidupan merangkumi kehidupan beragama atau tidak beragama adalah dijadikan bernyawa oleh 'Spirit'. Semua kehidupan diberikan kesinambungan oleh nafas Tuhan yang digelar oleh orang-orang Israel pada zaman dahulu sebagai 'ruach Yahweh'. Kehidupan akan hilang sekiranya Tuhan mengambil kembali 'Spirit' ini. 'Spirit' ini juga dikatakan sebagai berjantina perempuan kerana 'ruach' bermakna keperempuanan dalam bahasa Hebrew (Hollenweger, 1984).

Menurut tafsiran setengah-setengah ahli teologi, 'Holy Spirit' merupakan aspek kewanitaan Tuhan iaitu aspek yang lebih bersifat lemah-lembut berbanding dengan sifat-sifat biasa Tuhan yang sering dilihat

sebagai maha berkuasa. Ini adalah kerana 'Holy Spirit' memenuhi setengah-setengah fungsi yang dijalankan oleh dewi-dewi dalam agama lain dan juga kerana aktiviti-aktiviti karismatik seperti menangis dan mengekspresikan perasaan kepada Tuhan adalah dikaitkan sebagai sifat-sifat kewanitaan.

Mengikut 'Old Testament' lagi 'ruach Yahweh' telah menyelubungi beberapa anbiak (prophets) sehingga berlakunya aktiviti glossolalia dan kadang-kadang juga menyebabkan seluruh badan mereka menggeletar dan bergoyang (Martin, 1984). Keadaan ini dikatakan boleh menjangkiti seluruh kumpulan yang sedang menjalankan 'worship' sehingga kesemuanya memasuki alam 'trance' pada masa yang sama. Kejadian ini telah diperhatikan berlaku dalam sesi-sesi 'worship' dalam gereja-gereja Protestant dan juga dalam perjumpaan-perjumpaan karismatik oleh penganut Katolik. Persamaan kejadian-kejadian yang berlaku pada gereja-gereja sekarang ini dengan kejadian yang dituliskan dalam 'Old Testament' telah menyebabkan penumpuan perhatian kepada 'Holy Spirit' sebagai nadi atau penggerak utama yang menjayakan Pergerakan Pentecostal dan Karismatik.

Penumpuan perhatian kepada 'Holy Spirit' pada asasnya lebih merupakan suatu yang berbentuk pengalaman individual secara spiritual dan bukannya dilihat sebagai suatu yang diinterpretasikan secara theologikal

(Fiddes, 1984). Segala perlakuan karismatik yang diekspresikan merupakan pengalaman yang dialami sewaktu diselubungi oleh 'Holy Spirit'. Seperti menurut Pastor Simon Sim dari gereja Spiritual Assembly dalam satu khutbahnya, "When Jesus spoke in tongue, he was filled by the Spirit in full." Kehadiran 'Holy Spirit' dalam sesi 'worship' adalah merupakan suatu aspek karismatik yang wajib dan penting. Ini adalah kerana setengah-setengah individu hanya dapat bersembahyang atau memuji Tuhan dalam bahasa biasa tanpa berhenti-henti selama kurang dari sepuluh minit sahaja. Maka dengan adanya pemberian 'Holy Spirit' membolehkan mereka memasuki alam glossolalia iaitu menyambung pemujian kepada Tuhan dalam suatu bahasa yang asing untuk memperkayakan 'prayer' mereka.

Interpretasi theologikal terhadap penekanan ke atas 'Holy Spirit' dikaitkan dengan suatu konsep yang menyentuh mengenai kehadiran dan kuasa Tuhan. Konsep ini dipanggil 'baptism in the Spirit' yang membawa dua interpretasi penting. Pertama sekali ia merujuk kepada pembaharuan pengalaman terhadap perhubungan dengan Tuhan atau dengan perkataan lain suatu pengalaman peribadi bersama Tuhan. Pengalaman ini merupakan suatu peristiwa keagamaan luar biasa yang berlaku selepas pemelukan (conversion) dan baptisme dengan air sama ada kepada bayi selepas lahir atau orang dewasa. Pengalaman ini biasanya (tetapi tidak semestinya) ditunjukkan oleh

aktiviti glossolalia.

Interpretasi yang kedua terhadap konsep 'baptism in the Spirit' pula merujuk kepada kesedaran mengenai pemberian-pemberian istimewa (charism) seperti glossolalia, visi dan kebolehan penyembuhan yang diberikan oleh 'Holy Spirit' kepada gereja-gereja untuk mengukuhkan semangat keahlian para penganut atau 'fellowship'nya (Fiddes, 1984).

Dalam suatu dokumen pergerakan karismatik yang membincangkan isu 'Holy Spirit', terdapat sebilangan pengkaji yang telah memisahkan aspek-aspek theologikal dan eksperimental konsep baptisme dalam 'Spirit' dengan menegaskan bahawa aspek eksperimental adalah suatu kesedaran (conscious awareness) terhadap aspek theologikal pengalaman spiritual ini. Golongan Katolik juga melihat pengalaman baptisme dalam 'Spirit' sebagai sebahagian dari proses 'confirmation' yang harus dilalui oleh setiap penganut Katolik yang telah matang pengetahuan keagamaannya. Ia juga merupakan suatu pembaharuan kepada baptisme awal iaitu baptisme dengan air untuk membaharui semangat dan keyakinan kepada Tuhan.

Bagi golongan Katolik, aspek-aspek karismatik memang sudah wujud dalam individu sejak baptisme air dijalankan ke atas seseorang individu dan proses baptisme dalam 'Spirit' atau disebut sebagai 'renewal'

bukanlah dianggap sesuatu yang baru ataupun suatu baptisme kedua. Sebaliknya ia merupakan suatu pengaktifan semula (regeneration) baptisme pertama.

Golongan Protestant pula menunjukkan pemahaman terhadap baptisme dalam 'Spirit' secara pelbagai. Kadang-kadang mereka menekankan bahawa anugerah-anugerah (gifts) istimewa hanya akan diturunkan oleh 'Holy Spirit' sewaktu pemelukan kepada orang-orang dewasa dan kadang-kadang mengatakan ia juga diterima sewaktu baptisme dengan air pada masa bayi. Oleh itu pemahaman golongan Protestant terhadap konsep baptisme dalam 'Spirit' adalah kurang jelas dan tidak tetap berbanding dengan golongan Katolik.

Namun begitu yang jelasnya, 'Holy Spirit' seolah-olah telah menjadi suatu bentuk perantara di antara individu dengan Tuhan dalam usaha untuk mendekatkan diri dan mengenali Tuhan secara lebih intim. Agak menghairankan bagaimana ini boleh berlaku sedangkan pada asasnya didapati 'Holy Spirit' dan Tuhan itu sebenarnya adalah suatu yang sama. Penumpuan terhadap 'Holy Spirit' secara tidak langsung sedikit sebanyak telah menyebabkan ia agak sukar dipersepsikan sebagai Tuhan pada masa yang sama.

Berdasarkan interpretasi yang dipegang oleh golongan Katolik terhadap 'Holy Spirit', maka terdapat

kumpulan-kumpulan karismatik tertentu yang menggelarkan pengalaman-pengalaman peribadi ini sebagai 'renewal of baptism' dan bukannya 'baptism in the Spirit'. Aspek 'renewal of baptism' ini dilihat sebagai penting oleh golongan Katolik kepada para penganutnya untuk membuktikan kematangan mereka sebagai seorang Katolik. Maka di sini timbul pula persoalan sama ada pengalaman 'renewal of baptism' adalah perlu dan wajib untuk mengesahkan proses 'confirmation' seseorang penganut Katolik.

Sepanjang pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti organisasi yang dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pembaharuan ini, pengkaji dapati dari segi pembaharuan perhubungan dengan Tuhan melalui 'baptism in the Spirit' atau 'renewal of baptism', aspek pengalaman individu telah dilihat sebagai lebih penting dari aspek interpretasi theologinya. Namun begitu terdapat suatu kecenderungan oleh golongan Katolik Karismatik untuk menekankan kepentingan implikasi dan dasar-dasar teologi sesuatu fenomena karismatik, terutamanya mengenai isu 'renewal of baptism'.

Hasil dari pelbagai kertas kerja yang telah dibincangkan oleh ahli-ahli teologi Karismatik telah memperolehi suatu rumusan mengenai beberapa sifat-sifat pemberian semulajadi lain yang juga dianggap penting untuk menentukan kepentingan atau signifikannya di

samping pemberian-pemberian istimewa yang telah disebutkan awal tadi. Secara umumnya, segala pemberian-pemberian 'Holy Spirit' dilihat sebagai suatu yang pelbagai - bermakna pemberian-pemberian yang kurang menarik perhatian umum seperti sikap pemurah, pengasih, sentiasa ingin membantu dan perihatin juga dianggap sebagai suatu pemberian karismatik sungguhpun ia tidak mendapat perhatian orang ramai berbanding dengan pemberian-pemberian lain seperti glossolalia. Golongan Katolik menekankan bahawa kesemua pemberian ini adalah demi kepentingan dan pembangunan keanggotaan umat Kristian dan bukannya untuk memuaskan kehendak individu-individu tertentu. Dan yang paling penting sekali ialah ahli-ahli teologi saling bersepakat bahawa segala bentuk karisma atau tingkah-laku mempraktikkan pemberian-pemberian spiritual ini adalah lambang kekuasaan dan manifestasi 'Holy Spirit'.

Konsep-konsep ini telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam melihat sejauh manakah pentingnya 'baptism in the Spirit' kepada individu dan kepada gereja. Jika dahulunya proses pemelukan meliputi baptisme dengan air, kepercayaan sepenuhnya kepada Jesus dan pengakuan terhadap segala dosa, maka sekarang timbul persoalan sama ada isu baptisme dalam 'Spirit' merupakan kriteria penting dalam menentukan atau mengesahkan pemelukan seseorang individu.

Ahli-ahli karismatik kini berpendapat bahawa setiap individu yang mempercayai Jesus harus dibaptiskan dalam 'Holy Spirit' dalam proses pemelukan. Tetapi ini tidak dipraktikkan dahulu dan juga tidak merupakan suatu yang wajib dipraktikkan sekarang. Ini adalah kerana aspek ini telah dipandang ringan atau diabaikan oleh golongan Kristian.

Berdasarkan betapa kuatnya penekanan terhadap pengalaman bersama 'Holy Spirit', bolehkah dianggap baptisme dalam 'Spirit' sudah memadai untuk mengesahkan seseorang yang ingin menerima Jesus ke dalam hidupnya itu sebagai seorang penganut Kristian yang sah? Jika seseorang yang bersembahyang dengan tiba-tiba mula memasuki alam glossolalia atau dengan perkataan lain mula merasai pengalaman bersama 'Holy Spirit', maka ini membuktikan beliau telah menjadi satu bersama Tuhan (one with God). Seperti menurut seorang pastor dalam sebuah gereja persendirian, "Holy Spirit said that God can only work through you if you are one in action with God." Jika seseorang itu adalah 'one in action with God' adalah cukup untuk melabelkan beliau sebagai telah diakui oleh Tuhan sebagai seorang Kristian dan pemelukan hanya merupakan suatu proses yang memerlukan pengiktirafan sosial sahaja.

Jika pengalaman bersama 'Spirit' boleh dijadikan penentu dalam mengesahkan keyakinan seseorang terhadap

Jesus dan seterusnya menentukan status keagamaan beliau, timbul pula persoalan sejauh manakah isi kandungan dan kebenaran pengalaman-pengalaman karismatik ini dapat diuji dan disahkan? Dan tingkah laku dan ekspresi yang bagaimanakah dapat dijadikan sebagai bukti utama untuk mengesahkan kebenaran berlakunya aksi baptisme dalam 'Spirit'? Adakah asas-asas keagamaan yang tercatit di dalam kitab Injil dan juga tradisi gereja menyokong dan mengiktirafkan segala perlakuan-perlakuan ini sebagai tindakan 'Holy Spirit'?

Menurut Lyn (1992), pengesahan pengalaman bersama 'Spirit' dapat dibuktikan melalui pemerhatian terhadap respons seseorang secara spontan dan terbuka terhadap kehadiran 'Holy Spirit'. Ini bermakna dengan bersyukor dan memuji secara terbuka dan gembira terhadap apa yang dialami sebagai pemberian atau rahmat Tuhan sudah cukup untuk membuktikan bahawa pengalaman-pengalaman karismatik yang dialami adalah benar. Ini adalah dengan mengandaikan bahawa adalah tidak mendatangkan faedah untuk mengekspresikan suatu yang palsu atas nama Tuhan kerana ia tidak mendatangkan apa-apa faedah pun.

Apakah implikasinya pula jika seseorang itu bertindak membebaskan diri dan membiarkan 'Holy Spirit' menguasai dirinya supaya ia dapat menjadi satu bersama Tuhan dan mengalami baptisme bersama 'Spirit'? Contohnya, Pastor Simon Sim dari Spiritual Assembly

telah mengendalikan servisnya berdasarkan 'perhubungannya' dengan 'Holy Spirit'. Beliau mendakwa segala yang dilakukan dalam gereja tersebut adalah tidak dirancang. Ini adalah kerana baginya gereja tersebut diuruskan oleh 'Holy Spirit'. Menurutnya lagi 'Holy Spirit' yang mengambil keputusan terhadap agenda-agenda yang akan dilakukan dalam gereja tersebut. Pastor mendakwa beliau hanyalah seorang penyampai terhadap segala yang ingin disampaikan oleh 'Holy Spirit'. Oleh itu servis yang dikendalikan oleh beliau tidak mempunyai had masa. Bagi beliau selagi 'Holy Spirit' ingin menyampaikan sesuatu mesej, maka beliau akan terus memberikan khutbah sehingga kadang-kadang servis pagi Ahad berlanjutan hingga ke petang.

'Holy Spirit' Sebagai Suatu Agen yang Mewujudkan Konsep Pengakuran (Submission) Kepada Individu Selain Dari

Tuhan

Memang terdapat sebilangan individu yang mempunyai kuasa-kuasa istimewa seperti Pastor Simon Sim yang boleh berkomunikasi dengan 'Holy Spirit'. Tetapi sejauh manakah kuasa-kuasa istimewa ini boleh ditentukan kebenarannya untuk mengelakkan eksloitasi terhadap gereja dan golongan penganut? Kebolehan-kebolehan ini boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu dengan mudah kerana kepercayaan para penganut boleh diperolehi dengan senang atas nama Tuhan.

Individu-individu yang mendakwa mereka mempunyai kuasa-kuasa ini akan dipandang tinggi dan dihormati oleh penganut Kristian. Kata-kata mereka adalah dianggap sebagai kata-kata Tuhan dan para penganut akan melakukan apa sahaja yang disuruh dengan anggapan ia adalah suatu perintah yang suci. Hubungan begini boleh mewujudkan sebilangan individu yang mempunyai sifat-sifat seperti Tuhan (God-like) sehingga ia menjadi suatu kuasa yang berpengaruh.

Individu-individu ini berupaya mendapat kesetiaan dan kepercayaan yang sepenuhnya dari para penganut sehingga ada kemungkinan pegangan Kristianiti golongan ini boleh menyeleweng atau menyalahafsirkan kitab Injil mengikut kepentingan tersendiri. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka dilabelkan sebagai suatu kumpulan 'cult' oleh gereja-gereja lain kerana mempraktikkan doktrin yang menyimpang jauh dari doktrin Kristianiti asal.

Pengakuran (submission) dan autoriti juga merupakan antara isu-isu yang timbul sebagai akibat aktiviti 'Holy Spirit'. Memang secara theologi, pengakuran terhadap Tuhan menunjukkan hubungan makhluk dengan pencipta yang sihat dan yang sepatutnya. Namun begitu, kadang-kadang sikap patuh dan kepercayaan penganut yang dianggap sebagai pengakuran boleh menjadi merbahaya apabila ia menjadi satu bentuk hiraki

pengakuran dalam sebuah komuniti Kristian seperti sebuah gereja.

Dalam menjalankan latihan ilmiah di gereja Spiritual Assembly khasnya, pengkaji telah cuba mencari jawapan kepada persoalan mengapa penganut-penganut turut menunjukkan sifat-sifat pengakuran yang sepatutnya hanya ditujukan kepada Tuhan terhadap seorang atau sebilangan individu sehingga mereka menjadi seperti Tuhan (God-like)? Dalam gereja seperti Spiritual Assembly yang memperlihatkan sifat-sifat pengakuran yang tinggi kepada golongan autoriti gereja, terdapat beberapa sebab yang dapat dikenalpasti sebagai punca pengakuran tersebut.

Ramai ahli-ahli gereja tersebut yang mempercayai bahawa ketika aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemberian-pemberian istimewa seperti glossolalia, penyembuhan dan visi dijalankan, mereka harus menjadi pasif. Mereka secara intuitif merasakan bahawa 'Holy Spirit' sedang menunjukkan kekuasaanNya. Oleh itu mereka berpendapat adalah wajar untuk menyerahkan diri sepenuhnya kepada 'Holy Spirit' pada ketika ini. Mereka beranggapan bahawa apabila semangat mereka dikawal sepenuhnya oleh 'Holy Spirit', diri mereka sudah tidak bererti lagi.

Pemikiran penganut yang sedemikianlah yang

memulakan konsep pengakuran kepada Tuhan dan seterusnya dieksplorasi oleh kuasa autoriti yang dimiliki oleh segolongan individu yang mengendalikan gereja. Yang sepatutnya, para penganut yang sedang beribadat dengan 'Holy Spirit' harus melakukan peranan yang aktif untuk menikmati dan mengalami pengalaman bersama Tuhan dan bukannya pengakuran sepenuhnya. Ramai ahli teologi yang berpendapat bahawa ketika jiwa penganut diselubungi oleh 'Holy Spirit', ia sebenarnya tidak akan menyingkirkan semangat para penganut tetapi sebaliknya bergabung menjadi satu bersama-sama dengan semangat setiap individu. Maka mereka harus secara aktif mengambil bahagian bersama-sama menikmati manifestasi Tuhan dan bukannya mengikut sahaja tanpa soal.

Dalam sesebuah organisasi gereja, terdapat sebilangan individu-individu yang dianggap istimewa kerana dikurniakan dengan pemberian-pemberian khas manakala setengah-setengah individu pula tidak memilikinya. Di antara individu-individu yang istimewa ini, ada pula yang memiliki lebih banyak pemberian berbanding dengan yang lain. Dari sini didapati terdapat suatu kecenderungan untuk menghormati dan memandang tinggi golongan yang mempunyai anugerah-anugerah ini. Sanjungan berbentuk hiraki akan terjadi dengan penggunaan sejauh mana besar dan banyaknya kuasa yang ada pada seseorang dijadikan sebagai penentu

kepada darjah penghormatan yang akan diberi.

Golongan minoriti yang disanjung oleh majoriti penganut dalam sesebuah organisasi gereja ini akan secara tidak langsung dilihat sebagai wakil 'Holy Spirit'. Oleh itu pengakuran oleh para penganut kepada golongan minoriti ini adalah dilakukan secara rela hati ataupun secara tidak sedar. Ini adalah disebabkan pengakuran ini sebenarnya ditujukan kepada 'Holy Spirit' tetapi wujudnya individu-individu yang menjadi wakil 'Holy Spirit' telah menyebabkan pengakuran ini seolah-olah ditujukan kepada mereka. Kegagalan para penganut untuk mengidentifikasi atau membezakan kejadian atau pengamalan ini mungkin boleh menyebabkan pengakuran terhadap kumpulan minoriti akan menjadi suatu yang diterima umum dan dianggap suatu amalan kebiasaan sehingga menjadi suatu kewajiban.

Dalam kebanyakan kes, individu-individu yang disanjung biasanya merupakan golongan yang berautoriti dalam gereja seperti golongan pastor atau 'elders'. Pemilikan kuasa-kuasa istimewa yang didakwa dipunyai oleh golongan ini biasanya akan mengukuhkan status mereka dan memperkuatkan sanjungan dan keyakinan ahli-ahli gereja terhadap mereka. Tambahan pula pemilihan 'elders' adalah terhad kepada ahli jawatankuasa tertentu sahaja dan bukan merupakan suatu agenda yang mendapat pendapat umum.

Terdapat juga pemimpin-pemimpin gereja yang mengamalkan polisi yang mengecam penganut-penganut yang menggunakan akal intelek untuk menginterpretasikan kitab Injil. Terdapat pastor yang menyarankan penganut sewaktu khutbah supaya menerima 'Holy Spirit' dengan hati yang terbuka tanpa banyak soal dan banyak fikir. Ini menyebabkan para penganut tidak berpeluang ataupun tidak berani mempersoalkan kuasa dan autoriti yang dimiliki oleh golongan pemimpin sesebuah gereja. Gereja Spiritual Assembly merupakan sebuah gereja yang memperlihatkan aspek penghormatan ataupun mungkin pengakuran yang agak melampau kepada para pemimpinnya. Mereka amat bergantung kepada keputusan dan pendapat para pemimpinnya sehingga merangkumi aspek kehidupan di luar bidang keagamaan.

Apabila pengakuran berdasarkan sebab-sebab yang telah dibincangkan tadi berlaku, para penganut akan menerima kata-kata orang yang disanjung ini sebagai kata Tuhan. Ini terutamanya dalam kes di mana ada individu tertentu yang mendakwa mereka merupakan wakil 'Holy Spirit'. Keadaan-keadaan seperti ini boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan kuasa sekiranya ada di antara pemimpin-pemimpin yang menganggap diri sebagai lebih istimewa dari orang biasa sehingga mempercayai beliau benar-benar memiliki kuasa-kuasa yang ajaib.

Sungguhpun terdapat individu-individu yang belum pernah merasai pengalaman baptisme dalam 'Spirit' tetapi adalah sukar untuk menentukan atau mengesahkan sama ada 'Holy Spirit' itu aktif di dalam diri seseorang atau tidak. Oleh itu setiap manifestasi 'Holy Spirit' yang didakwa oleh sesiapapun tidak harus diterima bulat-bulat tanpa soal. Hak mempersoalkan kesahihan manifestasi tersebut harus diberikan kepada setiap individu kerana kesahihan berdasarkan pengesahan sendiri (self-validating) adalah meragukan dan senang dipergunakan untuk kepentingan sendiri.

Glossolalia

'Speaking in Tongues' atau istilah teknikalnya glossolalia merupakan antara aktiviti yang paling lumrah dalam mengesahkan kehadiran atau menunjukkan kehadiran 'Holy Spirit' ketika 'worship' dijalankan. Ramai penganut yang pernah mengalami glossolalia berasa amat bangga dan gembira dengan pengalaman dan keistimewaan yang ada pada mereka. Contohnya ada keskes di mana terdapat penganut-penganut kaum Cina yang tidak tahu berbahasa Inggeris tiba-tiba mula bertutur dan memuji Tuhan dalam bahasa Inggeris yang lancar.

Glossolalia melibatkan pemujian kepada Tuhan dalam bahasa yang asing dan juga bahasa kuno dalam keadaan sedar atau separuh sedar tetapi pada takat ekstasi yang

tinggi. Aktiviti ini dipraktikkan secara meluas dalam gereja-gereja Protestant sewaktu 'worship' dijalankan. Malah ada yang menjadikannya sebagai sebahagian daripada agenda servis setiap Ahad seperti di Salvation Church. Namun begitu adalah agak menghairankan kerana gereja Spiritual Assembly yang amat menekankan kepentingan 'Holy Spirit' tidak menunjukkan pengamalan glossolalia secara aktif.

Interpretasi terhadap fenomena glossolalia tidak diterima dengan mudah oleh golongan karismatik. Seperti yang telah dikatakan awal tadi, golongan Karismatik Katolik lebih cenderung mempersoalkan penilaian theologikal sesuatu fenomena karismatik dahulu sebelum memastikan sejauh mana penerimaannya dalam doktrin keagamaan. Mereka telah bertindak dengan berhati-hati dalam memberikan interpretasi terhadap glossolalia dengan mengadakan kajian yang panjang lebar terhadap asal-usul dan penerapannya ke dalam fenomena Karismatik yang sedang berlaku.

Golongan Karismatik telah mendapati bahawa aktiviti sebenar glossolalia bukanlah merupakan sesuatu kelakuan dalam keadaan ekstasi yang tidak terkawal tetapi ia merupakan suatu pemberian istimewa yang dapat dipraktikkan bila-bila sahaja mengikut kesukaan individu yang telah dianugerahkan dengan pemberian ini. Seseorang yang biasa mempraktikkan glossolalia didapati

dapat mengubah dari percakapan biasa kepada glossolalia dan sebaliknya dari glossolalia kepada percakapan biasa pada bila-bila masa. Ini seolah-olah menunjukkan terdapatnya suatu orientasi yang tidak tetap di mana ketika glossolalia sedang berlaku, seseorang itu pada masa yang sama masih sedar dan juga terpisah dari persekitaran fizikalnya.

Pada awal tadi telah dikatakan bahawa glossolalia dipraktikkan kerana setengah individu mungkin gagal atau kehabisan idea ketika menjalankan pemujian kepada Tuhan dalam bahasa asalnya untuk jangkamasa yang lama. Tetapi di samping itu, glossolalia juga merupakan satu cara penyembahan secara separuh sedar, suatu bentuk meditasi dan juga boleh dipraktikkan untuk tujuan meredakan ketegangan atau mengurangkan tekanan dan frustasi yang sedang dialami.

Pada kebiasaannya, fenomena glossolalia merupakan pengucapan yang cepat dan berturut-turut dalam bentuk bunyi yang tidak dapat difahami. Individu-individu yang sedang mempraktikkannya pula seolah-olah berada dalam keadaan yang tersisih dari dunia sebenar. Pengkaji-pengkaji dalam bidang glossolalia berpendapat para penganut yang sedang khusyuk menjalankan glossolalia mempunyai pemikiran yang pasif. Pengucapan-pengucapan yang dilafazkan ketika glossolalia dikatakan tidak berkaitan dengan intelek manusia ataupun mempunyai

hubungan dengan keupayaan linguistik seseorang. Sebaliknya pengucapannya berbentuk 'voluntary' atau secara semulajadi. Walau bagaimanapun kadang-kadang glossolalia boleh dimotivasikan melalui tunjuk ajar dan galakan dalam sesi latihan oleh pemimpin-pemimpin gereja dengan mengulangi vokal-vokal tertentu sehingga menjadi suatu bentuk 'chant'.

Namun demikian, harus diketahui bahawa latihan-latihan begini bukanlah merupakan suatu peraturan yang digunakan untuk menentukan kebolehan glossolalia. Ataupun bermakna glossolalia itu dapat diajar kepada sesiapa sahaja. Tetapi menurut pandangan Katolik kebolehan karismatik khasnya glossolalia dalam kes ini, memang wujud dalam setiap penganut Kristian dan latihan tersebut hanya digunakan sebagai motivasi untuk meluahkan sifat yang tersimpan di dalam diri individu-individu tersebut. Glossolalia dikatakan bersifat spontan dan diinspirasikan oleh suasana persekitaran contohnya sekumpulan penganut yang sedang khusyuk bersembahyang.

Fenomena glossolalia yang biasa diperhatikan dipraktikkan ketika sesi 'worship' berkumpulan atau dalam gereja sebenarnya juga boleh dipraktikkan secara bersendirian. Namun begitu, pada umumnya, glossolalia yang dipraktikkan di gereja dikatakan dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan gereja. Manakala yang

dipraktikkan secara bersendirian pula dapat meningkatkan semangat kehidupan rohani individu serta mendekatkan diri dengan Tuhan.

Dalam kebanyakan kes, glossolalia tidak dianggap sebagai suatu bentuk komunikasi walaupun kadang-kadang perkataan-perkataan yang diucapkan adalah jelas dan boleh diterjemahkan. Ini adalah kerana glossolalia yang diekspresikan tidak boleh difahami oleh penyebutnya. Sebaliknya ia dapat diinterpretasikan oleh sebilangan pendengar ke dalam bahasa biasa. Fenomena ini dipanggil sebagai 'xenoglossy' dan mengapa penterjemahannya harus beroperasi secara demikian adalah tidak diketahui (Williams, 1984).

Dalam beberapa kes glossolalia, banyak terdapat mesej-mesej ramalan disampaikan. Walau bagaimanapun terdapat individu-individu yang mendakwa dapat menerima mesej-mesej ini pada bila-bila masa sahaja walaupun bukan menjalankan glossolalia. Contohnya Pastor Simon Sim mengatakan beliau sering mengadakan perbualan-perbualan peribadi bersama 'Holy Spirit'. 'Speaking in Tongues' juga kadang-kadang boleh digelar sebagai 'Singing in the Spirit' apabila glossolalia dipraktikkan ketika sesi nyanyian untuk mewujudkan suatu suasana 'worship' yang lebih bermakna kepada individu (Williams, 1984).

Seringkali sungguhpun ramai individu yang melaporkan rasa kepuasan spiritual selepas sesi-sesi glossolalia dalam 'worship' berkumpulan, tetapi ada kemungkinan bahawa rasa kepuasan ini adalah akibat assosiasi secara aktif individu dengan kumpulan 'worship' yang dianggotai olehnya. Dalam suasana 'worship' di mana takat aktiviti penyembahan yang sangat khusyuk dan tegang sedang berlaku, kebanyakan penganut akan mencapai klimaks kepuasan spiritual secara beramai-ramai.

Ketika suasana glossolalia juga, kesan-kesan fizikal seperti menari, menjerit dan keseluruhan badan bergoncang atau menggeletar juga dapat diperhatikan. Kadang-kadang juga diikuti dengan tangisan atau gelak ketawa. Kombinasi antara aktiviti-aktiviti seperti tepukan tangan, lambaian tangan, pengulangan kata-kata seperti 'praise the Lord' akan menghasilkan suasana yang tegang. Oleh itu ada kemungkinan bahawa pencapaian kepuasan spiritual lebih tepat jika diatributkan kepada pengalaman bersama kumpulan 'worship' dan bukannya kepada aktiviti glossolalia.

**'Worship': Perubahan-perubahan ke atas Aspek-aspek
'Worship' di bawah Pengaruh Pergerakan-pergerakan
Pembaharuan**

Salah satu kesan pengaruh kedua-dua pergerakan

Pentecostal dan Karismatik ialah penyegaran semula semangat 'worship' dalam gereja. Adalah nyata bahawa akibat pengaruh ini, perubahan-perubahan yang jelas telah kelihatan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh gereja. 'Worship' merupakan aspek penyembahan yang penting dalam gereja kerana ia ditujukan khas kepada Tuhan dan pada masa yang sama para penganut yang mengikut-serta akan mendapat 'blessing' darinya.

Dengan meneliti servis-servis yang dijalankan oleh Salvation Church dan Spiritual Assembly, didapati sesi 'worship' telah mendapat kedudukan yang sama penting dengan khutbah (sermon). Khutbah harus dipisahkan dari 'worship' kerana khutbah ditujukan kepada manusia dan pada masa yang sama memuji dan menyanjung Tuhan. Dalam keseluruhan jangkamasa servis Salvation Church, boleh dikatakan masa untuk 'worship' dan masa untuk khutbah adalah sama panjang. Namun begitu, di gereja ini juga, 'worship' didapati lebih penting sedikit dari khutbah. Penyertaan sepenuhnya oleh ahli-ahli gereja sewaktu 'worship' ditunjukkan melalui tingkah-laku yang ekspresif seperti tepukan tangan dan lambaian tangan seolah-olah suatu perayaan yang meriah sedang diadakan. Manakala sewaktu khutbah pula, ramai ahli-ahli yang bergerak keluar-masuk dewan dan bercakap-cakap.

Dalam gereja Spiritual Assembly pula didapati 'worship' dan khutbah mendapat kepentingan yang sama.

Sesi 'worship'nya mendapat penyertaan yang khusyuk dan serius oleh ahli-ahlinya. Mereka menyanyi dengan bersungguh-sungguh dan penuh ekspresif sehingga ahli-ahli tersebut kelihatan seolah-olah berada dalam dunia mereka sendiri yang terpisah dari alam nyata. Manakala sewaktu khutbah pula, ahli-ahlinya memberikan konsentrasi yang sama tinggi kepada setiap pengucapan pastor. Ini mungkin disebabkan oleh suatu bentuk kuasa atau autoriti yang wujud ketika kehadiran pastor tersebut.

Penumpuan perhatian sepenuhnya sewaktu khutbah di Spiritual Assembly juga mungkin disebabkan oleh teguran-teguran pastor kepada mereka yang meninggalkan tempat duduk atau berjalan-jalan sewaktu servis. Terdapat waktu-waktu tertentu apabila para ahli tidak dibenarkan untuk meninggalkan tempat duduk masing-masing. Sama ada ini dilakukan untuk mengelakkannya dari mengganggu konsentrasi ahli-ahli lain ataupun kerana dilarang oleh upacara agama seperti penyembuhan yang sedang dijalankan adalah tidak pasti.

Namun begitu, sebagai sebuah gereja yang amat menekankan peranan 'Holy Spirit' dalam segala aktivitinya, sudah pasti khutbah pastor merupakan sebahagian dari servis yang paling penting. Tambahan pula memang diakui dan dipercayai oleh ahli-ahli gereja tersebut bahawa pastornya adalah penyampai mesej-mesej

'Holy Spirit' dan segala yang disampaikan olehnya adalah merupakan kata-kata Tuhan. Ini menambahkan konsentrasi ahli-ahli terhadap apa juga yang perlu diperkatakan oleh pastor.

Kepentingan dan perubahan kepada corak 'worship' dalam gereja-gereja Katolik akibat pengaruh Pergerakan Karismatik pula agak sukar ditentukan. Ini adalah kerana sesi 'worship' bercorak karismatik diadakan pada suatu masa yang berlainan dari 'worship' biasa atau servis biasanya. Boleh dikatakan servis-servis biasa atau 'mass' gereja-gereja Katolik masih kekal mengikuti corak 'worship' dahulu. Malah setiap langkah yang dijalankan sewaktu servis seperti pembacaan pertama, pembacaan kedua dan seterusnya hingga ke sesi 'holy communion' masih sama dengan ritual yang dijalankan sebelumnya. Nyanyian-nyanyian lagu 'hymns' sewaktu servis juga masih berentak perlahan dan tidak dipengaruhi langsung oleh pengaruh ekspresif karismatik yang menyanyikan lagu berentak laju juga.

Pengekalan corak 'worship' dalam servis gereja-gereja Katolik menyebabkan pengkaji mendapati Pergerakan Karismatik tidak mengubah corak 'worship' gereja-gereja tersebut. Sebaliknya ia hanya mengubah jenis aktiviti yang dijalankan oleh gereja. Dengan perkataan lain, sesi 'worship' karismatik telah menjadi suatu aktiviti baru gereja yang sungguhpun digelar

sebagai sesi servis tetapi dibezaikan dari servis biasa atau 'mass' gereja.

Dalam sesi 'worship' karismatik inilah mereka mengadakan corak 'worship' yang berlainan dengan servis biasa di mana dilihat penyertaan ahli-ahli adalah lebih menggalakkan dalam sesi nyanyian berbanding dengan sesi khutbah. Perjumpaan-perjumpaan Karismatik Katolik juga mengadakan suatu sesi 'prayer' khas untuk membolehkan ahli-ahli mempraktikkan glossolalia. Pada ketika ini juga, ahli-ahli yang tidak pernah bertutur dalam glossolalia diajar oleh mereka yang berkebolehan. Sungguhpun pertubuhan kumpulan-kumpulan karismatik di hampir setiap gereja-gereja Katolik telah berlaku, namun didapati masih ramai lagi penganut Katolik yang tidak pernah mengikuti sesi karismatik dan tidak sedar tentang impak yang dibawa oleh pergerakan ini kepada agama Kristian.

Hasil dari pemerhatian pengkaji telah menunjukkan kepentingan 'worship' telah meningkat berikutan pengaruh pergerakan-pergerakan pembaharuan. Kajian terhadap aspek ini banyak dijalankan oleh ahli-ahli teologi barat sama ada dari segi doktrin ataupun pengaruh sosiologi persekitaran dan psikologi penganut. Terdapat pendapat yang mengatakan 'worship' adalah lebih penting dari khutbah kerana dalam proses ini, penganut meletakkan Tuhan sebagai yang paling penting

dalam kehidupan. Begitu juga dalam buku 'Old Testament', 'worship' merupakan suatu aktiviti yang mendapat keistimewaan dan penekanan utama. Tambahan pula, 'worship' terhadap Tuhan merupakan tujuan utama kehidupan keagamaan Kristian, di dunia dan juga selepas Hari Pengadilan. Ini adalah kerana menurut buku 'Revelation', "when teaching and evangelism are ended on earth, worship continues in heaven" (Lyn, 1992).

Menurut Lyn (1992), pengaruh pengajaran dan praktijk mengajar pada pengembangan kepercayaan dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern adalah penting. Ia membentuk dan mempengaruhi kepercayaan dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern.

Pengaruh dan pengembangan kepercayaan dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern merupakan akibatnya pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern. Pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern merupakan akibatnya pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern. Pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern merupakan akibatnya pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern.

Pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern merupakan akibatnya pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern. Pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern merupakan akibatnya pengaruh pengajaran dan praktik keagamaan dalam masyarakat modern.

BAB 6

KESIMPULAN

Sungguhpun pengkaji telah menghadapi banyak masalah dalam menjalankan kerja lapangan, namun hasil dari analisis data terbukti telah membolehkan pengkaji mencapai matlamat-matlamat penyelidikan pengkaji. Hasil perbincangan mengenai pengaruh pergerakan-pergerakan pembaharuan ke atas masyarakat serta budaya Kristian di gereja-gereja Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah membolehkan pengkaji membuat beberapa rumusan.

Pengaruh dan kesan pergerakan Pentecostalisme dan Karismatik ternyata jelas didapati dalam kedua-dua gereja kajian pengkaji dan juga di gereja-gereja seluruh Malaysia pada amnya. Dalam bab 4 dan 5 yang membincangkan budaya rally serta corak kebudayaan keagamaan Kristian sekarang telah menunjukkan bahawa pergerakan-pergerakan ini berjaya mengubah arah perjalanan asal budaya agama Kristian.

Ciri-ciri atau aktiviti-aktiviti karismatik telah menjadi suatu norma Kristian yang kini telah diidentifikasi bersama agama Kristian. Perubahan-perubahan terhadap corak 'worship' dan interpretasi-interpretasi keagamaan baru seperti glossolalia dan penyembuhan yang pada mulanya mendapat sambutan yang

was-was terutamanya dari kalangan penganut Katolik, kini telah diterima oleh masyarakat Kristian sebagai sebahagian dari pengamalan dan kehidupan keagamaan Kristian.

Ternyata sekali budaya Kristian yang baru ini telah dikatakan sebagai akibat manifestasi 'Holy Spirit' untuk mengaktifkan semula dan memperbaharui semangat masyarakat Kristian. Sesungguhnya, jika 'Holy Spirit' telah dilihat sebagai agen utama dalam menghidupkan semula serta memberikan nafas baru kepada agama Kristian, maka gereja-gereja dari pelbagai denominasi harus juga melihat manifestasi 'Holy Spirit' sebagai suatu mesej Tuhan dalam usaha menyatukan umat Kristian di bawah satu aliran keagamaan yang sama.

Aspek ekumenisme dalam agama Kristian sudah mula diabaikan sejak berlalunya usaha-usaha awal yang dijalankan oleh Pertubuhan World Council of Churches pada tahun 1960an. Pelbagai aktiviti ekumenisme oleh pertubuhan ini telah gagal untuk menyatukan denominasi-denominasi gereja untuk mencapai suatu doktrin bersama yang bersepada.

Pergerakan Pentecostalisme yang akhirnya telah membawa kepada penerapannya ke dalam gereja Katolik di bawah Pergerakan Karismatik seharusnya dijadikan sebagai suatu contoh kepada masyarakat Kristian untuk

menunjukkan bahawa terdapat suatu kemungkinan untuk bersatupadu dan bekerjasama di bawah satu organisasi yang sama. Malang sekali di Malaysia ketika ini, boleh dikatakan hampir tiada langsung sebarang aktiviti ekumenisme yang signifikan.

Sepanjang menjalankan kerja lapangan, pengkaji mendapati hanya terdapat satu aktiviti sahaja yang merangkumi penglibatan seluruh masyarakat Kristian tanpa mengira denominasi. Penekanan penganjur-penganjur rally di sekitar Kuala Lumpur terhadap penyertaan penganut Kristian tanpa mengira denominasi merupakan satu-satunya aspek ekumenisme yang dapat diperhatikan dengan jelas. Sungguhpun begitu, penyertaan penganut ke rally sedikit-sebanyak masih memperlihatkan segregasi secara denominasi. Ramai Katolik yang hanya mengikuti rally anjuran pertubuhan gereja-gereja Katolik dan begitu juga ramai Protestant yang hanya menyertai rally anjuran gereja-gereja Protestant.

Salah satu kekurangan yang dikenalpasti dari organisasi gereja ialah kurangnya penglibatan para penganut secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tindakan sosial. Sungguhpun terdapat beberapa organisasi gereja khasnya gereja-gereja Katolik yang sering menjalankan kerja-kerja amal dan kebajikan, namun penglibatan mereka adalah tidak secara aktif. Begitu juga penyertaan dalam menyuarakan pendapat masyarakat Kristian

terhadap isu-isu hak asasi manusia, kebajikan sosial, polisi kerajaan dan isu-isu persekitaran.

Memang tidak dapat dinafikan, adalah agak sukar bagi organisasi gereja untuk melaksanakan perkara-perkara ini. Tetapi sekali lagi pengkaji ingin menekankan aspek peranan ekumenisme yang membolehkan masyarakat Kristian mengorak langkah untuk mengambil bahagian yang lebih aktif dalam mempertingkatkan mutu kebajikan sosial mereka dan masyarakat amnya.

Sesungguhnya, harus ada kesedaran bahawa melalui ekumenisme, masyarakat Kristian ternyata dapat memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada negara. Selain dari itu ia juga membolehkan anjuran sessi-sessi dialog antara para penganut dengan para pemimpin agama ataupun dengan organisasi keagamaan yang lain untuk memudahkan pemahaman terhadap sesuatu isu atau pencapaian sesuatu persefahaman yang lebih aman dan berkesan.

Tambahan pula, ini dapat mengurangkan penyalahgunaan kuasa oleh setengah golongan pemimpin agama ataupun mengelakkan dari wujudnya kesan-kesan yang tidak sihat seperti pengaruh rally terhadap orang ramai, khasnya golongan cacat yang tidak berjaya mendapatkan penyembuhan.

Pergerakan Karismatik dan Pentecostalisme yang aktif di gereja-gereja juga mendapat penyertaan yang menggalakkan terutamanya dari golongan pemuda-pemudi. Hasil dari fenomena ini didapati wujudnya pemimpin-pemimpin keagamaan baru yang terdiri dari golongan muda gereja. Kajian di gereja-gereja Spiritual Assembly dan Salvation Church juga menampakkan penyertaan yang giat oleh ahli-ahli remaja dan dewasa muda. Ini sedikit-sebanyak dapat mengurangkan berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan muda-mudi dan mengelakkan mereka dari melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti jenayah dan delinkuensi.

Wujudnya golongan pemimpin gereja dari golongan muda karismatik juga merupakan suatu inovasi kepada institusi gereja dan pada masa akan datang mereka akan berupaya mempertingkatkan semangat 'fellowship' dan perpaduan gereja. Kemungkinan penerapan idea-idea baru golongan muda ini juga akan berupaya sekali lagi mengubah sejarah Kristianiti seperti mana yang telah dilakukan oleh pergerakan-pergerakan Karismatik dan Pentecostalisme dalam merombak semula doktrin Kristianiti.

PENUTUP

Sebagai mengakhiri perbincangan ini, pengkaji ingin menyimpulkan bahawa pergerakan-pergerakan pembaharuan sesungguhnya telah membawa suatu manfaat yang besar kepada masyarakat Kristian. Ianya bukan sahaja menyedarkan semula para penganut mengenai keagongan dan kebenaran agama Kristian tetapi juga menyedarkan mereka mengenai keistimewaan yang dipunyai oleh setiap individu. Sungguhpun terdapat masalah-masalah sampingan yang wujud bersama perkembangan doktrin keagamaan baru ini, namun ia tidak menghalang kejayaan dan kegemilangan yang sedang dinikmati oleh masyarakat Kristian sekarang.

BIBLIOGRAFI

1. Ackerman, Susan & Lee, Raymond L.M. 1980. "Conflict and Solidarity in a Pentecostal Group in Urban Malaysia." *Sociological Review*. Vol. 8, 809 - 827.
2. Ackerman, Susan. 1984. "Experimentation and Renewal Among Malaysian Christian." *Southeast Asian Journal of Social Science*. Vol. 12, No. 1, 35 - 48.
3. Ackerman, Susan & Lee, Raymond L.M. 1988. *Heaven In Transition : Non-Muslim Religious Innovation and Ethnic Identity in Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
4. Albrecht, D.E. 1992. "Pentecostal Spirituality: Looking Through the Lens of Ritual." *Pneuma: The Journal of the Society for Pentecostal Studies*. Vol. 14, No. 2, 107 - 125.
5. Berger, P.L. 1969. *The Social Reality of Religion*. London: Faber & Faber Limited.
6. Berger, P.L. & Luckmann, T. 1974. "Sociology of Religion and Sociology of Knowledge. In William M. Newman. *The Social Meanings of Religion: An Integrated Anthology*, 99 - 110. Chicago: Rand McNally College Publishing Co.
7. Bord, R.J. & Faulkner, J.E. 1983. *The Catholic Charismatics: The Anatomy of a Modern Religious Movement*. Pennsylvania: The Pennsylvania State University Press.
8. Brockway, Allan R. & Rajashekhar, J. Paul (eds). 1986. *New Religious Movements and the Churches*. Geneva: WCC Publications.
9. Cottle, Ron, 1979. "Tongues Shall Cease." *Pneuma: The Journal of the Society for Pentecostal Studies*. Fall, 1979, 43 - 49.

10. Fiddes, Paul S. 1984. "The Theology of the Charismatic Movement." In David Martin & Peter Mullen (eds). *Strange Gifts?*, 18 - 39. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
11. Hocken, Peter. 1981. "The Pentecostal-Charismatic Movement As Revival and Renewal." *Pneuma: The Journal of the Society for Pentecostal Studies* Vol. 3, No. 1, 31 - 47.
12. Hollenweger, W.J. 1984 "All Creatures Great and Small." In David Martin & Peter Mullen (eds). *Strange Gifts*, Oxford: Basil Blackwell Publisher.
13. Hollenweger, W.J. 1984. "Roots and Fruits of the Charismatic Renewal in the Third World." In David Martin & Peter Mullen (eds). *Strange Gifts?*, 172 - 191. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
14. Lee, Raymond. 1986. "The Ethnic Implications of Contemporary Religious Movements and Organizations in Malaysia." *Contemporary South East Asia*. Vol. 8, No. 6, 70 - 87.
15. Lyn, Philip, 1992. "Reflections on the Charismatic Movement." In Goh Keat Peng (ed), *Readings in Malaysian Churches and Mission*. Petaling Jaya: Pustaka Sufes.
16. Martin, D. 1984. "The Political Economy of the Holy Ghost." In David Martin and Peter Mullen (eds). *Strange Gifts?*, 54 - 71. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
17. Nichol, J.T. 1966. *Pentecostalism*. New York, Evanston and London: Harper and Row.
18. Northcott, Michael. 1990. "A Survey of the Rise of Charismatic Christianity in Malaysia." *Asia Journal of Theology*. Vol. 4, No. 1, 266 - 278.
19. Rusch, W.G. 1986. "The Theology of the Holy Spirit and the Pentecostal Churches in the Ecumenical Movement." *Pneuma: The Journal of the Society for Pentecostal Studies*. Fall, 1986, 17 - 30.
20. Schneider, Louis, 1970. *Sociological Approach to Religion*. New York: John Wiley & Sons, Inc.

21. Sherrill, J.L. 1965. *They Speak with Other Tongues*. Spire Books, N.J.: Fleming H. Revell Co. First Published in 1964.
22. Ward, J. 1984. "Pentecostal Theology and The Charismatic Movement." In David Martin & Peter Mullen (eds). *Strange Gifts?*, 192 -207. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
22. Wilkerson, D. 1964. *The Cross and the Switchblade*. New York: Pyramid Books.
23. William. C.G. 1984. "Speaking In Tongues." In David Martin & Peter Mullen (eds). *Strange Gifts?*, 72 - 83. Oxford: Basil Blackwell Publisher.